SEJAK 1971 SUARA DARI MENARA ILMU

BERITA KAMPUS

ISNIN 12 Oktober 2015 | Jilid 45 Bil 2 | RM1.00 | beritakampus45@gmail.com | ISSN 1397-7443

LAPORAN KHAS | Volunteering on the voyage of hope | 10-11



HIDANG
Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dato' Dr Omar Osman (kiri) menghidangkan sarapan kepada siswa-siswi kewartawanan Pusat Pengajian Komunikasi (PPK) dan warga Pusat Media dan Perhubungan Awam (MPRC) dalam sesi Sarapan dan Sembang Santai Bersama Naib Canselor (SSSBNC) di Galeri MPRC pada 3 Oktober 2015.
Lihat halaman 3 untuk berita.

Kajian PPAG sumbang fakta baru tamadun Kedah Tua

Oleh **INTAN MAHSURI SULAIMAN**

Penemuan 97 buah tapak arkeologi di kawasan Sungai Batu, Lembah Bujang, Kedah oleh Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG) telah membawa kepada satu dimensi baru dalam pensejarahan tamadun Melayu iaitu tamadun Kedah Tua.

Kejayaan tersebut dicapai apabila sebanyak 49 buah tapak sejarah telah berjaya diekskavasi bagi membuktikan kewujudan Kerajaan Kedah Tua sejak tahun 487 Sebelum Masihi.

"Jabatan Warisan Negara (JWN) telah meminta PPAG untuk melengkapkan data mengenai kerajaan Kedah Tua pada tahun 2007. Kami telah melihat semula kajian-kajian sebelum ini yang dilakukan sejak tahun 1940-an lagi dan persoalan yang timbul ialah mengapa penemuan sebelum ini hanyalah bertarikh paling awal pun pada awal kurun ke-5 Masihi?", terang Pengarah PPAG, Profesor Dato Dr Mohd Mokhtar Saidin.

Setelah melakukan pemerhatian dan kajian yang lebih mendalam dengan menggunakan kaedah geologi dan geofizik, beliau mendapati bahawa paras air laut pada kurun pertama mungkin akan menjadi kunci kejayaan kepada penyelidikan dan kajian untuk merungkai pensejarahan tamadun Kedah Tua yang masih belum lengkap ini.

Tambah beliau lagi, setelah mendapati bahawa paras air laut sekurang-kurangnya pada kurun pertama Masihi adalah lebih tinggi berbanding pada hari ini, beliau membuat keputusan untuk meninjau kawasan yang lebih dalam iaitu kawasan Sungai Batu kerana kajian-kajian sebelum ini hanya tertumpu pada kawasan yang berada di bawah paras air pada ketika itu.

Hasil tinjauan beliau di kawasan ladang kelapa sawit tersebut kelihatan bongkah bata telah kelihatan di permukaan tanah akibat hakisan.

"Kerja-kerja ekskavasi di kawasan tersebut telah dijalankan selama 5 tahun sejak tahun 2009 setelah PPAG menerima geran penyelidikan dan berjaya menemui sebanyak 97 tapak dengan fungsi yang berlainan", jelasnya lagi.

Terdapat empat fungsi yang telah dikenalpasti iaitu bagi tujuan ritual, peleburan besi, pelabuhan dan pentadbiran.

Namun, masih banyak tapak yang masih belum diekskavasi dan tidak mustahil penemuan baharu akan membongkar dengan lebih mendalam mengenai tamadun Kedah Tua.

Tapak ritual yang ditemui adalah sebuah struktur binaan berasaskan bata yang dilihat mempunyai ciri-ciri animisme dan digunakan untuk menyembah Gunung Jerai yang berada di utara Sungai Batu.

Selain itu, penemuan lantai jeti dan tangga di kawasan Sungai Batu kuno juga memperkuatkan lagi bukti bahawa kawasan tersebut pernah terbabit dengan aktiviti perdagangan selain, penemuan replika kayu dan paku di dalam tasik kuno berhampiran.

Keluasan kawasan tapak Sungai Batu adalah 4 kilometer persegi dan ujian pentarikhan mengenai sesuatu artifak atau struktur dilakukan melalui kaedah *Optically Stimulated Luminescene* (OSL) dan radiokarbon.

Hal ini bagi memastikan tarikh sebenar sesuatu artifak yang ingin dikaji dan setiap data yang diperoleh adalah tepat kerana ianya melibatkan fakta sejarah.

"Penemuan 12 buah tinggalan bangunan berhampiran dengan kawasan pelabuhan turut membuktikan bahawa telah wujud sistem pentadbiran di kawasan tersebut", jelas Mokhtar. **Lihat halaman 12 untuk rencana.**

"A position in a good university is a privilege"

By **DOUGLAS ELLIOT EBOL**

The recipient of the National Academic Award 2015, Professor Emeritus Dr Augustine Ong Soon Hock has urged that academicians to make full use of their position in a university, as it is a privilege which enables them to fulfil their aspirations.

"University environment is ideal to establish your ideas as facts based on experimentation and creativity. Your original contributions to knowledge through research will be recorded for posterity. This provides much self-fulfillment," he said.

Even after more than two decades since he last served at Universiti Sains Malaysia (USM), Professor Emeritus Tan Sri Datuk Dr Augustine Ong Soon Hock continues to make USM proud by being named the National Academic Award (Anugerah Akademik Negara or AAN) 2015 recipient.

A National Scientist and a former Dean of the School of Chemical Sciences, he held the post from 1977 till 1981 before being appointed the title as a Visiting Professor for two tenures; 1981 to 1985 and 1990 to 1991.

In 2007, he was awarded Professor Emeritus by USM.

Bestowed the honour of The Merdeka Award 2012 for his role and contributions in the field of research and development of Malaysian palm oil industry, the AAN is just another feather on his cap.

Dr Augustine said that the award meant a lot to him and he would like to acknowledge the efforts of USM in nominating him and to the Ministry of Higher education (MOHE) for the recognition.

"My ambition is to seek truth in Nature through natural sciences and decided on academic career to fulfill this dream. I feel great that my academic contribution has been recognised, which motivates me to continue contribution in the academic field," he said.

Having left the formal teaching at the university level,

continue in page 9 . . .

Vaccinate, not exterminate

As the nation grapples itself onto the weakening Ringgit, political mucking and thickening haze, another endless slew of threat beckoned. This time, in a form of health scare once thought to be forgotten from the nation's history book that is rabies.

The northern states of Kedah, Perlis and Penang all recorded cases of outbreak and were put in high alerts. Amidst all of this distress however, came a directive call to eradicate the problem.

The solution? To mass capture the stray dogs population in infected areas as an effort to prevent the spreading of the diseases to humans and other animals. The decision proves to be a touchy matter and has received heavy criticism both from the public and the non-governmental organizations.

Along the lines of those in disfavour includes the sentiment of morality, sense of humanity and protection of animal rights. While those who are in favour echoed the sanctity of human rights as the utmost importance in these critical times.

It raised the question of supremacy; a superiority of a being over the others. But is this the only way out? Berita Kampus begs to differ.

At the heights of advanced medicine, the relentless act of dog culling seems a bit too backwards or rather barbaric for a developing country as it goes against the notions of being civilised.

With only four dogs tested positive for rabies so far, it does not justify the need for mass killing other dogs since vaccinations are readily available, though the option often comes with a hefty cost and trips to the doctor. On one thought, one could argue that is just another excuse to get rid of the stray populations.

The problem now stems from our own limited knowledge of what rabies is in the first place. Put it simply, rabies is a disease caused by virus and spreads to humans and other animals only upon contact with infected saliva.

Bites and open cuts are generally the common forms of disease transmission and some of us mistakenly assumed that dogs are the only carrier of rabies when in fact, mammals, such as bats and cats, can carry them as well.

If anything else, this could be another prime example of a cobra effect - a solution to a problem that further complicates the intended results. Even countries like India, China and Indonesia knew better when they stopped culling dogs and advocates mass vaccinations as the viable option.

Mass vaccination, in the case of preventive measure, requires that individuals or animals at a higher risk for rabies exposure to be given three doses of vaccine within the span of 28 days. While those who are already infected be given four doses of the same vaccine.

Crux of the matter is that the inhumane act of culling does not necessarily translated into success. It does not have any significant differences nor proven to be effective than vaccination does.

As an APEX's students, we ought to make a difference in the way we look and treat other living creatures with respect. We need to educate ourselves of our surroundings and make informed decisions based on valid judgements.

After all, to quote Mahatma Gandhi, the greatness of a nation can be judged by the way its animals are treated.

Crux of the matter is that the inhumane act of culling does not necessarily translated into success. It does not have any significant differences nor proven to be effective than vaccination does.

Hikmah dan makna korban

Ibadah korban merupakan ibadah sunat yang sangat dituntut oleh Allah s.w.t juga dikenali sebagai sunat muakkad. Dari segi istilah korban bermaksud menyembelih binatang tertentu pada Hari Raya Aidiladha yang jatuh pada setiap 10 Zulhijjah dan Hari Tasyrik iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijjah dengan tujuan untuk beribadah atau menghampirkan diri kepada Allah S.W.T.

Binatang korban ialah seperti kambing biri-biri, kambing biasa, unta, lembu atau kerbau. Binatang-binatang ini hendaklah menepati ciri-ciri sah korban iaitu tidak cacat, tidak sakit dan tidak kurus. Ibadah korban juga merupakan amalan yang disukai oleh Rasulullah s.a.w dan baginda juga menggalakkan sahabat-sahabat baginda yang berkemampuan untuk menjalankan ibadah korban.

Oleh yang demikian, umat islam seharusnya mengambil iktibar terhadap galakan Rasulullah kepada sahabat-sahabatnya. Ibadah korban terbahagi kepada dua iaitu korban nazar dan korban sunat. Mengikut hukum syarak, daging korban nazar wajib disedekahkan keseluruhannya manakala korban sunat pula daging korban tersebut dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu satu pertiga disedekahkan kepada fakir miskin, satu pertiga dihadiahkan kepada umat islam dan satu pertiga dihadiahkan kepada orang yang berkorban.

Ibadah korban ini sangat dituntut kepada umat islam kerana fadhilat dan hikmah yang terkandung di dalamnya.

Hikmah korban yang utama ialah sebagai tanda umat Islam memperingati peristiwa yang berlaku pada zaman Nabi Ibrahim dan anaknya. Peristiwa tersebut merupakan antara salah satu peristiwa yang memperlihatkan ketaatan Nabi Ibrahim kepada Allah S.W.T apabila diwahyukan oleh Allah untuk mengorbankan anaknya Nabi Ismail.

Peristiwa itu berlaku apabila Nabi Ibrahim bermimpi bahawa Allah S.W.T meyuruh beliau Nabi Ibrahim untuk menyembelih anaknya Nabi Ismail. Walaupun masyarakat menganggap beliau sudah hilang akal, Nabi Ibrahim tidak menghiraukannya.

Nabi Ismail dibawa ke tempat untuk disembelih dan Nabi Ibrahim menjalankan perintah Allah dengan memancungkan pedang ke leher anaknya, maka terperciklah darah ke badan Nabi Ibrahim.

Alangkah terkejutnya Nabi Ibrahim apabila melihat yang disembelihnya itu bukan anaknya tetapi seekor haiwan iaitu kibas. Hal ini jelas menunjukkan akan keperibadian Nabi Ibrahim yang taat akan perintah Allah dan seharusnya menjadi ikutan umat Islam.

Ibadah korban juga dapat memupuk sikap prihatin dan peduli akan sesama saudara Islam khususnya kepada golongan yang tidak berkemampuan. Daging korban diberikan kepada golongan-golongan ini.

Sikap ambil peduli ini menggalakkan umat islam memupuk rasa persaudaraan dan keprihatinan dalam diri. Sikap prihatin membentuk seseorang itu menjadi seorang yang sentiasa mengambil peduli akan kekurangan dan masalah dalam komunitinya.

Oleh itu, ibadah korban bukan sekadar menyembelih haiwan dan mengagihkan kepada golongan yang memerlukan, tetapi memberi mesej kepada umat islam dalam konteks kecaknaan dan keprihatinan.

Ibadah korban juga adalah penebus dosa akan kesalahan yang dilakukan sepanjang hayat. Ini jelas menunjukkan bahawa setiap satu kebaikan yang dilakukan oleh umat Islam membawa hikmah kepada dirinya sendiri. Semasa ibadah korban dijalankan, seseorang itu semestinya meletakkan fokus hanya kerana Allah tanpa mengharapkan balasan atau ganjaran.

Apabila perkara sebegini dilakukan, jiwa menjadi tenang dan suci daripada dosa. Pada hari raya Aidiladha juga terdapat perkara sunat yang boleh dilakukan untuk menambah pahala dan membersihkan hati.

Sebagai contoh, memakai pakaian baru, mandi sunat Aidiladha, memakai haruman dan wangian yang menyenangkan, memohon keampunan dan bermaaf-maafan sesama ahli keluarga, bersolat sunat Aidiladha dan mendengar khutbah dengan penuh penghayatan, serta bersedekah kepada mereka yang memerlukan.

Oleh itu, hati yang bersih membawa kepada keperibadian yang lebih baik dalam kehidupan. Keperibadian yang suci memberi pelbagai kesan positif terutama kepada diri sendiri dan melahirkan masyarakat harmoni dan diredhai Allah.

Menjalankan ibadah korban mampu melahirkan tanda rasa syukur umat Islam sebagai hamba Allah. Setiap manusia diberikan rezeki yang pelbagai, ada diantaranya mendapat rezeki yang melimpah dari sudut harta, pangkat, anak, rupa paras dan pelbagai lagi.

Namun begitu, umat Islam terutamanya perlu mensyukuri setiap pemberian Allah S.W.T dan cara untuk menzahirkan syukur adalah dengan menjalankan ibadah korban. Hikmah apabila umat islam membelanjakan harta atau rezeki yang diperolehi ke jalan Allah, sudah pasti mendapat tempat yang mulia di sisiNya.

Oleh itu, semoga dengan memperingati Aidiladha, umat Islam terutamanya dapat menjadi contoh terbaik kepada setiap umat manusia.

Berita Kampus seterusnya akan diterbitkan pada Isnin, 26 Oktober 2015.

ALAMAT Bilik Berita, Balai Media, Pusat Pengajian Komunikasi
TELEFON 04-6535073
E-MEL beritakampus45@gmail.com

Berita Kampus adalah akhbar makmal pelajar kewartawanan Pusat Pengajian Komunikasi yang diterbitkan bersama Pusat Media dan Perhubungan Awam (MPRC) USM.

Sejak 1971.
Suara dari menara ilmu

SARAPAN DAN SEMBANG SANTAI BERSAMA NAIB CANSELOR

USM cadang wujudkan Pusat Media, Pusat Perisian

Oleh **MOHAMMAD FAKHRI BADLISHAM**

Universiti Sains Malaysia (USM) bercadang untuk mewujudkan Pusat Media (Media House) dan Pusat Perisian (Software House) dalam usaha untuk melonjakkan kedudukannya di peringkat antarabangsa.

Pusat Media dan Pusat Perisian ini bakal menghimpunkan semua pakar-pakar dalam bidang teknologi kejuruteraan dan pengamal media seperti Pusat Media Dan Perhubungan Awam, pensyarah serta siswa-siswi dari beberapa buah pusat pengajian seperti Pusat Pengajian Komunikasi (PPK), Pusat Pengajian Seni (PPS) dan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK) untuk bergerak dengan objektif yang sama.

Naib Canselor USM Profesor Dato Dr Omar Osman berkata penubuhan pusat seperti itu adalah sejajar dengan harapan USM untuk menjadi pusat rujukan dalam pelbagai aspek di peringkat global.

"Kita mahu menjadikan USM sebagai universiti yang selalu menjadi pusat rujukan di peringkat kebangsaan dan menjadi sebuah universiti yang terkenal di peringkat antarabangsa. Oleh itu penglibatan yang menyeluruh daripada semua pihak sangat penting dalam memastikan perkara ini tercapai," kata Omar.

Tambah Omar, gabungan yang melibatkan semua pihak seperti ini memungkinkan penerokaan peluang baru dan seterusnya membawa kepada perkembangan yang lebih bersifat global serta memberikan manfaat yang besar kepada komuniti.

"USM mempunyai ramai pakar dalam kelompok-kelompok tertentu yang tertentu. Contohnya dalam bidang reka bentuk kita mempunyai ramai pakar dan siswa-siswi dalam bidang tersebut. Namun kenapa kita tidak menzahirkannya untuk memberikan pulangan kepada pusat pengajian dengan menjana pendapatan melaluinya? Sebenarnya terdapat banyak peluang yang ada di universiti ini", ujar Omar.

Prof Omar berkongsi perancangan USM tersebut dalam sesi Sarapan dan Sembang Santai Bersama Naib Canselor (SSSBNC) bersama warga Pusat Pengajian Komunikasi (PPK), Pusat Media dan Perhubungan Awam USM (MPRC) dan siswa-siswi pengkhususan kewartawanan yang diadakan di Galeri MPRC pada 3 Oktober yang lalu.

Hadir sama dalam majlis tersebut ialah Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa, Profesor Dato Dr Ahmad Shukri Mustapha Kamal, Dekan PPK, Profesor Madya Dr Jamilah Haji Ahmad, Dekan Pusat Pengajian Seni (PPS), Profesor Madya Mohamad Omar Bidin, Timbalan Dekan (Penyelidikan) PPK, Profesor Madya Dr Azman Azwan Azmawati, Pengerusi Rancangan (Prasiswazah) PPK, Dr Nik Norma Nik Hasan dan Pengarah MPRC, Encik Mohamad Abdullah.

Kita mahu menjadikan USM sebagai universiti yang selalu menjadi pusat rujukan di peringkat kebangsaan dan menjadi sebuah universiti yang terkenal di peringkat antarabangsa. Oleh itu penglibatan yang menyeluruh daripada semua pihak sangat penting dalam memastikan perkara ini tercapai.

Media berperanan tingkat jenama, keternampakan USM

Media memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan jenama dan keternampakan Universiti Sains Malaysia (USM).

Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dato Dr. Omar Osman berkata USM mesti memastikan bahawa apa yang dilakukan oleh universiti diketahui orang ramai untuk menarik mereka untuk bersama-sama USM.

"Oleh itu kita perlu menggunakan strategi menerusi media dan perhubungan awam untuk memastikan apa yang dilakukan di USM ini menjadi suatu perkara yang boleh kita banggakan", jelas Omar.

"Pengamal media juga perlu saling membantu dengan berkongsi kesungguhan yang sama untuk mewujudkan masyarakat yang berintelektual dan berpengetahuan tanpa membezakan latarbelakang bidang masing-masing", ujarnya lagi.

Omar juga turut menyatakan bahawa cabaran pengamal media ketika ini adalah untuk membuatkan sesebuah komuniti menghidu sesuatu berita seiring dengan kemajuan dan perkembangan maklumat yang begitu cepat.

"Ramai yang semakin mengabaikan saluran berita yang utama seperti televisyen dan radio. Jadi bagaimanakah caranya untuk membuatkan komuniti mengetahui dan sedar tentang perkara yang sedang berlaku di sekeliling mereka? Itu yang menjadi cabaran kepada anda semua", kata Omar.

Prof Omar berkongsi pendapat itu pada sesi Sarapan dan Sembang Santai Bersama Naib Canselor (SSSBNC) bersama warga Pusat Pengajian Komunikasi (PPK), Pusat Media dan Perhubungan Awam USM (MPRC) dan siswa-siswi pengkhususan kewartawanan.

Pelekat kenderaan hanya untuk tiga kategori

Isu mengenai tindakan Jabatan Keselamatan (JK) yang sering mengunci roda kenderaan siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) menimbulkan keluhan di kalangan mereka. Namun, siswa-siswi sebenarnya tidak dibenarkan untuk memandu kenderaan di kampus.

Menurut Timbalan Pengarah, Jabatan Keselamatan (JK), Kapten (B) Mohamed Fadzil Baharudin, dasar USM menyatakan bahawa siswa-siswi dilarang memandu kenderaan ke universiti.

Hal ini kerana pelbagai masalah boleh berlaku seperti kesesakan lalu lintas dan kesukaran meletakkan kenderaan.

"Siswa-siswi yang memandu kenderaan di kampus akan menyebabkan kesesakan lalu lintas. Parkir yang disediakan juga terhad sehingga menyebabkan banyak staf USM yang menghadapi kesukaran mendapatkan parkir", katanya.

"Walau bagaimanapun, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (BHEPA) mengeluarkan garis panduan pemberian pelekat kepada tiga kategori. Antaranya ialah automatik, kelonggaran dan rayuan. Kategori automatik diberikan kepada pelajar jarak jauh dan berkeluarga, kelonggaran diberikan kepada persatuan dan rayuan diberikan kepada mereka yang mempunyai masalah kesihatan dan kebajikan", katanya lagi.

"Kenderaan yang tiada pelekat atau salah meletakkan kenderaan akan dikenakan saman maksimum RM50 oleh JK. Manakala, kenderaan yang ditunda akan dikenakan kompaun sebanyak RM50, sekiranya melebihi 24 jam pula sebanyak RM100 dan maksimum RM200 jika melebihi 48 jam", jelasnya.

Beliau juga menyatakan bahawa siswa-siswi yang gagal membayar kompaun yang dikenakan akan dikenakan tindakan tatatertib sekiranya disaman melebihi dua kali dan melebihi tempoh 14 hari.

Menurut pensyarah Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Mohd Nizam Sahad, tindakan siswa-siswi meletakkan kenderaan di tempat khas untuk pensyarah menyebabkan pensyarah sukar untuk mencari parkir.

"Tindakan siswa-siswi yang gunakan parkir khas pensyarah menyebabkan saya sukar untuk mencari parkir terutamanya pada waktu puncak. Jika ada parkir sekalipun, ia jauh dari pejabat saya", katanya.

Kategori automatik diberikan kepada pelajar jarak jauh dan berkeluarga, kelonggaran diberikan kepada persatuan dan rayuan diberikan kepada mereka yang mempunyai masalah kesihatan dan kebajikan.

Measuring more than the grades

By **DOUGLAS ELLIOT DAVID EBOL**

Beginning September 2015, five public universities in the country embarked on a pilot project in a new system of grading students. Fittingly called integrated Cumulative Grade Point Average (iCGPA), the new system measures up a student in a more holistic approach, emphasizing on entrepreneurial and balanced graduates.

Introduced as the first shift in the new Malaysia Education Blueprint 2015-2025 (Higher Education), the iCGPA oversees a graduate's development in nine soft skill areas such as knowledge and understanding, practical skills, social skills and responsibilities, communication and leadership skills as well as entrepreneurship and management skills among others.

Each of the skill sets are then measured on a scale from zero (0) to four (4) in a series of spider web matrix, whereby each line denotes a learning outcome and a dot representing the overall achievements of the student.

As of far, the five universities involved are Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Pahang (UMP) and Universiti Malaysia Kelantan involving more than 400 students in different fields for a duration of three years.

When asked to comment on whether or not Universiti Sains Malaysia (USM) will adopt the new system anytime soon, Deputy Vice Chancellor of Academic and International Affairs, Professor Dato' Dr Ahmad Shukri Mustapa Kamal took on a cautious stance as it is still in the initial phase of implementation and there are several issues arises concerning the methodology and measurement of the scales.

"At the moment, USM is keeping track of this recent happening and at some point, we will be presented with the findings," he said.

At the same while, he added that USM had already implemented a similar modules of developing soft skills.

"All these things are already included in our learning outcome," he said when referring to the Continuous Student Development Program under the Division of Students Affairs and Alumni (BHEPA).

"What the Ministry wants was to incorporate the modules into a singular standards while USM has been doing it separately," he adds.

Mixed reactions on culling stray dogs

Despite of cries from various non-governmental-organisations (NGOs) and individuals to stop the Penang state government decision to cull stray dogs as prevention from rabies outbreak, culling continues as the state government believes this is the most feasible way in addressing the issue.

NGOs such as Penang Animal Welfare Society (4PAWS), The Society for the Prevention of Cruelty to Animals (SPCA) and Stop Killing Start Vaccinating (SKSV) are pushing for anti-rabies vaccinations on the dogs as an alternative way in treating the epidemic.

Malaysia was declared rabies free country as the last case recorded in the country was in 1999. The recent outbreak has triggered Penang state government in culling the stray dogs as a way to prevent the disease from spreading.

"We do not fully agree on culling the stray dogs because massive vaccinations can help in controlling rabies from spreading as culling is too harsh", said SPCA manager, Kiu Mars.

"However, lack of manpower and insufficient vaccines are the problem right now, and therefore we suggest the authorities to put the dogs to sleep in proper way instead of electrocuting or shot them down which are inhumane", added Kiu.

On the other hand, supporters of Penang state government decision are claiming that the act of culling has been done humanely.

"Penang government and Department of Veterinary Service (DVS) are working hard on the humane culling to try and stamp out rabies from becoming an outbreak", said President of Malaysian Animal-Assisted Therapy for the Disabled and Elderly Association, Anthony Siva Balan Thanasayan.

Due to pressure from public and NGOs who persistently pressured the state government to cease culling, Veterinary Department of Malaysia and Worldwide Veterinary Services have met and discussed with NGOs such as Stop Killing and Start Vaccinating in working towards vaccinations.

It is believed that rabies was transmitted to Malaysia by dogs from Thailand and the outbreak started on September 8 in Perlis, Kedah and Penang.

We do not fully agree on culling the stray dogs because massive vaccinations can help in controlling rabies from spreading as culling is too harsh.

Two exchange students plagued by dengue fever

The hazy condition was an unpleasant welcome for Taiwanese exchange, Huang Yi Jie when she first arrived in Penang for her exchange programme in Universiti Sains Malaysia (USM). Little did she know her stay here was further made unpleasant when she was hit with the dengue fever.

"At one point, my body temperature went up as high as 39 degrees and my platelets was dangerously low", said the Taiwanese exchange student who took a total of 16 days to recover from the fever.

"I had to stay at the government hospital for two days and couldn't even bring myself to eat or drink. It was a terrible experience", she added.

Around the same time, Japanese exchange student, Kentaro Miura also suffered from dengue fever which left him bedridden, thus forcing him to miss classes for an entire week.

"Even when I was made aware of the dengue outbreak, I never expected to be a victim of dengue", he said.

While the experience had left both of them traumatised, it did not affect their impression on Penang and would still recommend their friends to visit Penang.

"The experience may be horrible but it has given me something interesting to talk about my exchange here when I return to Japan", Kentaro explained.

With dengue cases rising again recently, the public has started taking action to counter the outbreak.

Hiromi Mizuguchi, another Japanese exchange student who has previously experienced dengue during her studies in USM, advises everyone to take appropriate measures such as wearing long pants and applying mosquito repellent.

"For those who are recovering from dengue remember to get enough rest and drink lots of water", she added.

Jerebu jejas kesihatan siswa-siswi

Oleh **WEY WEI LING**



Tiga orang siswi Universiti Sains Malaysia terkesan dengan keadaan udara tidak sihat akibat jerebu yang melanda beberapa negeri di Malaysia termasuk Pulau Pinang.

Peningkatan masalah kesihatan warga Universiti Sains Malaysia (USM) akibat jerebu terutamanya jumlah pesakit asma yang memerlukan rawatan nebulizer telah berganda.

Menurut Pengarah Pusat Sejahtera USM Dr. Normala Abdul Wahid, pembekalan topeng percuma oleh Pusat Sejahtera hanya untuk warga USM tertentu sahaja termasuk semua pesakit yang menghadapi masalah paru-paru, warga emas, kanak-kanak, ibu mengandung, pesakit kronik, serta warga USM yang menjalankan aktiviti luar secara kumpulan.

Normala menasihatkan siswa-siswi supaya menggunakan perkhidmatan bas dalam kampus dan mengurangkan kegiatan luar. Warga USM yang menghidap asma atau masalah paru-paru diminta menggunakan topeng semasa berada di luar, membawa bekalan ubat dan segera ke klinik sekiranya perlu.

Sebuah bilik gerakan jerebu ditubuhkan yang dipengerusi oleh Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Omar Osman untuk memantau prosedur operasi standard (SOP) kepada semua jabatan dalam USM. Tujuan penubuhannya adalah sebagai pusat pemantauan dan memberi maklumat kepada warga USM tentang keadaan jerebu dari semasa ke semasa.

Warga USM digalakkan melayari laman sesawang Pusat Sejahtera USM untuk mendapatkan maklumat mengenai keadaan jerebu terkini sebelum melakukan aktiviti luar. Arahan dan nasihat akan dikeluarkan bagi menghentikan penglibatan warga USM dalam kegiatan luar sekiranya keadaan jerebu mencapai tahap membahayakan.

"Saya tidak beriadah sejak jerebu melanda dan mengurangkan kegiatan luar. Saya berharap jerebu akan segera pulih secepat mungkin", kata Qiu Bing, Sains Fizik 2.

"Topeng muka yang dijual adalah mahal, Pusat Sejahtera seharusnya memberikan topeng muka secara percuma kepada semua warga USM dan bukan orang tertentu sahaja demi kesihatan bersama", Zahir Johari, Ilmu Kemanusiaan 1.

Siswa-siswi USM masih memakai topeng pembedahan

Kualiti udara di Universiti Sains Malaysia (USM) yang mencatatkan Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang tidak sihat meenyebabkan siswa-siswi mendapatkan perlindungan melalui pemakaian topeng hidung dan muka.

Menurut portal rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia, orang ramai dinasihatkan untuk memakai topeng muka N95 yang mampu menapis habuk dan partikal halu di udara.

Walau bagaimanapun, kebanyakan siswa-siswi masih tidak memakai topeng muka N95 yang dinasihatkan dan sebaliknya memakai topeng pemedahan yang biasa.

Tan Pey Ling, Pengurusan 4, enggan menggunakan topeng muka N95 kerana harganya yang terlalu mahal.

"Pelajar seperti saya tidak mampu membelanjakan wang yang banyak untuk membeli topeng tersebut", katanya.

Menurut Tavia Lim, Pengurusan 4, dia berasa topeng muka N95 tidak sesuai untuk dipakai.

"Topeng muka N95 terlalu besar untuk muka saya. Selain itu, saya juga menghadapi kesukaran untuk bernafas semasa memakai topeng tersebut", katanya.

Menurut Penolong Farmasi USM, Syed Hussain, penjualan topeng pembedahan di Pusat Farmasi USM mendapat sambutan yang lebih baik berbanding dengan topeng muka N95 yang dijual pada RM6 sekeping.

"Memang tidak dinafikan bahawa ramai orang masih menggemari topeng pembedahan yang lebih murah walaupun mereka tahu topeng muka N95 jelasnya adalah lebih efektif dalam menangani jerebu", jelasnya.

Menurut Pengarah Pusat Sejahtera, Dr. Normala Abdul Wahid, topeng muka N95 akan dibekalkan kepada pesakit yang mendapatkan rawatan di Pusat Sejahtera yang mempunyai masalah respiratori.

Memang tidak dinafikan bahawa ramai orang masih menggemari topeng pembedahan yang lebih murah walaupun mereka tahu topeng muka N95 jelasnya adalah lebih efektif dalam menangani jerebu.

Siswa-siswi salah guna bilik persatuan

Universiti Sains Malaysia (USM) telah membuat keputusan bagi penutupan bilik persatuan yang terletak di bangunan Kompleks Cahaya Siswa bagi memastikan keselamatan siswa-siswi dan persekitaran kampus terjamin.

Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (BHEPA), Profesor Dato' Dr Adnan Hussein menyatakan keputusan itu semasa proses pengiraan undi Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar di Dewan Utama Desasiswa (DUD).

Menurut beliau, peraturan telah ditetapkan kepada siswa-siswi, namun bilik tersebut masih tidak dijaga.

Siswa-siswi tidak padamkan lampu, matikan alat penghawa dingin dan kuncikan pintu, jelas beliau.

"Ahli persatuan dan siswa-siswi tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan sehingga berlaku kecurian, mangga dipecahkan dan kunci dirosakkan," tambah beliau.

Tambah beliau lagi, sebab lain bilik tersebut ditutup kerana terdapat siswa-siswi yang mengambil kesempatan melakukan perbuatan yang tidak bermoral di dalam bilik tersebut.

Selain itu, terdapat aduan siswa-siswi berdua-duaan di dalam bilik tersebut dalam keadaan menguncikan pintu.

"USM tidak akan memandang remeh isu ini kerana ia akan menjejaskan imej USM", ulas beliau.

Beliau juga menegaskan isu tersebut disebabkan sikap siswa-siswi yang tidak bertanggungjawab dan tidak menghargai peluang yang diberikan.

"USM telah menyediakan ruang kepada siswa-siswi, namun telah disalahguna. Ini adalah sesuatu yang sangat mengecewakan," ujar beliau kepada *Berita Kampus*.

Ahli persatuan dan siswa-siswi tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan sehingga berlaku kecurian, mangga dipecahkan dan kunci dirosakkan

Maklumat lanjut mengenai isu jerebu boleh didapati dari laman sesawang [**www.pusatsejahtera.usm.my**] atau menghubungi talian hotline Bilik Operasi Jerebu di talian **04-6534948**.

Wi-Fi in the process of upgrading

The Wi-Fi service in Desasiswa Restu, Universiti Sains Malaysia (USM) broke down on 20th September 2015 due to a power trip in the hostel and the residents were unable to go online although they were connected to the Wi-Fi.

In order to solve the issue, representatives from Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) had spoken to Pusat Pengetahuan Komunikasi dan Teknologi (PPKT) for further actions to be taken.

According to a representative of MPP, Mohd Fahmi Mohd Fadzli, they had spoken to the Senior Officer of Information Technology in PPKT, Shahrul Ismi Mohd Akhir, and he explained that PPKT is in the midst of upgrading the speed of the servers.

PPKT is also in the process of upgrading their Access Points (AP) which is equipped with the latest technology in all Desasiswa in the Main Campus in order to cope with the usage of students.

"As of now, PPKT has said that they are almost done with changing the AP in all Desasiswa," said Fahmi.

Fahmi said that PPKT will only maximise the internet speed up to 1Gbps after 10pm.

On the other hand, Fahmi also said that Shahrul advises students to make use of the internet for academic purposes and not for downloading entertainment such as videos which is unimportant. This is because if students continue to misuse the Wi-Fi, problems will continue to arise.

"I would like to emphasise that students should put the Wi-Fi to good use and if there is any problems related to the Wi-Fi, students can lodge their complaint through the Service Desk operated by PPKT and further actions will be taken to resolve the issue," said Fahmi.

Saman jika tidak bertopi keledar

Sikap segelintir siswa-siswi yang memandang ringan isu keselamatan masih berlaku apabila mereka dilihat tidak memakai topi keledar ketika menunggang motosikal di kawasan kampus.

Menurut Timbalan Pengarah, Jabatan Keselamatan (JK), Kapten (B) Mohamed Fadzil, tindakan seperti itu masih berlaku walaupun siswa-siswi telah diberitahu mengenai tatatertib ketika berada di kawasan kampus.

"Jika masih ada siswa-siswi yang kami dapati tidak memakai topi keledar di kawasan kampus, kami akan ambil tindakan saman serta-merta. Kadar denda sebanyak RM50 akan dikenakan", katanya.

"Sebagai penunggang motosikal, wajib untuk memakai topi keledar walaupun tempat yang dituju adalah dekat. Keselamatan harus diutamakan untuk mengelak sebarang perkara yang tidak diingini berlaku kepada siswa-siswi. Jadi, dengan pemakaian topi keledar, risiko seperti kemalangan dapat dielakkan", jelasnya.

"Sekiranya masih terdapat siswa-siswi yang memandang ringan isu keselamatan selepas ini, JK akan menjalankan operasi secara mengejut di kampus bagi menyaman siswa-siswi yang masih tidak mengikut peraturan", jelasnya lagi.

"Walau bagaimanapun, siswa diberi kelonggaran untuk tidak memakai topi keledar pada hari Jumaat bagi memudahkan mereka ke masjid. Tetapi, kami hanya mengehadkan masa selama setengah jam sahaja. Selepas daripada tempoh itu, mereka perlu memakai topi keledar semula", akhiri beliau.

Sebagai penunggang motosikal, wajib untuk memakai topi keledar walaupun tempat yang dituju adalah dekat. Keselamatan harus diutamakan untuk mengelak sebarang perkara yang tidak diingini berlaku kepada siswa-siswi.

Hadapi jerebu dengan tenang, elak panik

Oleh **MARZIANA MOHOMED ALIAS,** MPRC USM

Semua pihak dinasihatkan untuk menghadapi fenomena jerebu dengan tenang bagi mengelak situasi panik bagi membolehkan pihak berkuasa mengambil langkah paling tepat bagi menangani masalah berkenaan.

Ahli akademik Universiti Sains Malaysia (USM) yang menjalankan kajian pencemaran udara, Profesor Dr Nor Azam Ramli berkata, kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang patut mengikut garis panduan yang ditetapkan bagi menangani keadaan pencemaran serantau ini.

Keadaan berjerebu dikaitkan dengan kepekatan partikel halus terampai di udara yang diketahui umum boleh mengurangkan jarak penglihatan dan menjejaskan kesihatan.

"Namun selagi kita mengamalkan langkah pencegahan, kesan daripada jerebu dapat dikawal terutamanya bagi mereka yang sememangnya berisiko dan sensitif seperti penghidap penyakit gangguan pernafasan," kata Nor Azam.

Katanya, perkara penting untuk dilakukan oleh masyarakat adalah bertenang dan teruskan aktiviti seharian dengan mengambil langkah-langkah pencegahan seperti memakai penutup hidung dan penitik mata untuk lindungi kesihatan, serta memasang lampu kenderaan jika jarak penglihatan berkurangan untuk keselamatan di jalan raya.

Aktiviti luaran yang tidak perlu juga boleh dikurangkan mengikut nasihat pihak berkuasa.

Nor Azam mengetuai kumpulan penyelidikan dalam kajian Environmental Assessment and Clean Air di Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam, Kampus Kejuruteraan USM serta telah mula menjalankan kajian mengenai jerebu sejak 1996.

Katanya, fenomena jerebu bukanlah perkara baharu dan telah lama berlaku, malah ia mula dilaporkan oleh pelayar di Selat Melaka sejak sebelum kurun ke-18 lagi.

Kita perlu fahami perubahan diurnal kepekatan pencemaran udara yang dipengaruhi oleh cahaya matahari dan hubungkaitnya dengan proses alamiah seperti pergerakan angin, arah angin, hujan dan perubahan suhu harian.

Tambah Nor Azam, di Malaysia kebanyakan stesen-stesen pengukuran indeks pencemaran udara dioperasikan di tempat-tempat strategik untuk mewakili kawasan-kawasan tertentu, termasuk di kampus USM, oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia.

Malah katanya, alatan pengukuran tersebut diiktiraf di bawah Title 40, Part 53 of the Code of Federal Regulations (40 CFR Part 53) seperti yang digariskan United State Enviromental Protection Agency (USEPA), Jun 2015.

"Malaysia turut mempunyai tahap amaran - Warning Level - iaitu bila mana bacaan IPU melebihi paras 300, maka kita perlu mengambil langkah-langkah lebih tegas termasuk mengurangkan aktiviti umum di sekeliling kita," katanya.

Mengulas lanjut ujarnya, adakalanya timbul kekeliruan umum dalam bacaan IPU kerana kaedah pengukuran pencemar dan perkiraan adalah berbeza di antara satu negara dengan negara yang lain.

"Di negara ini misalnya, IPU mengambil data purata 24 jam. Ada juga di tempat lain yang purata bacaan lebih pendek, termasuk tiga jam atau jam berkenaan (near realtime) atau mungkin bacaan ramalan jam seterusnya," katanya.

Sungguh pun begitu tambahnya, ia menggunapakai indeks yang sama iaitu bacaan di sehingga 50 adalah baik, 51-100 sederhana, 101-200 tidak sihat, 201-300 sangat tidak sihat, 301-400 tahap amaran, 401-500 tahap kecemasan dan 501 ke atas – tahap amat berbahaya.

Nor Azam turut menyarankan pada ketika ini walaupun negara mempunyai Peraturan Udara Bersih 2014, tumpuan boleh juga diberikan kepada usaha menambahbaik pengurusan pencemaran udara termasuk melihat bagaimana ramalan dapat dibuat untuk meningkatkan kebolehkesanan 'jerebu' dengan lebih tepat dan mengikut masa sebenar.

"Sehingga kini apa yang telah dibuat oleh negara sudah memadai di kesemua 52 stesen pengukuran namun cadangan boleh dibuat untuk menambahbaik bagi meningkatkan kebolehgunaan data yang dicerap untuk memberi maklumat lebih jelas kepada umum," katanya.

Tambahnya, sebagai masyarakat dalam sebuah negara, perkara paling utama dan mustahak dipraktikkan adalah bertenang dan bekerjasama mencapai ketenteraman awam.

"Kita juga perlu menghadapi keadaaan alam yang disebabkan oleh kebakaran rentas sempadan ini dengan berhemah dan hanya dengan bertenang membolehkan kita menghadapi perkara ini dengan baik, tenteram dan mencapai lebih banyak kejayaan," katanya.

USM students help the homeless in George Town

In the midst of attaining MyCSD, students are merely involving in activities that could earn points needed to qualify oneself for hostel in campus. However, a group of students in Universiti Sains Malaysia (USM), dubbed as Serikat Mahasiswa (SM) who feeds the homeless in the name of Bertuhan di Jalanan (BDJ) in George Town.

BDJ is a brainchild of Adam Naqib, Social Science 3, along with Ahmad Izzudin Azmi, Physics 2, and Izzuddin Iskandar Norizan, Physics 3, as co-founders.

"We were inspired by the spirit of students power in the 60s and 70s, where the students stood for the people such as Tasek Utara incident and Baling Strike. We wanted to revive the idea of students going back to people to serve them without constraining themselves within campus walls", said Adam.

"It might look as a charitable program, but basically we are engaging the students to be more critical in handling homeless issues which is driven by socio-economical disputes and disparities, not merely an empathy seeking issue", added Adam.

According to co-founder, Ahmad, their intention of having BDJ is to evoke the spirit of volunteerism in every students and the responsibility in helping the society without expecting anything in return.

Being students who are surviving with PTPTN loan proves to be the biggest challenge for SM members in financing BDJ. Initially they were catering only 50 packs of foods for the homeless, but as for now, more students and individuals have come forward to contribute for the cause of BDJ which has lightened their financial difficulties and have managed to provide 100 packs of foods.

BDJ is conducted on every Saturdays in George Town which starts at 10pm, accompanied by musicians who play guitars with songs and poems.

The group starts distributing food at the junction near Nasi Kandar Line Clear and eventually they will divide into smaller groups to walk around the streets to distribute foods while having conversations with the homeless.

"It saddens me to see those people who are living on the streets without proper clothing and foods that are mostly in the same age as my parents", said volunteer, Hafiz Ali, Social Science 3.

In parallel, SM is trying to obtain helps from authorities such as Welfare Department and local councils by providing background informations of the homeless.

Free tuition for the needy

Oleh **ILAIYA BARATHI PANNEERSELVAM**

Free tuition for primary and secondary school students named as Tuisyen Rakyat in Teluk Kumbar, Penang is a dream come true for its founder Hafiz Hafifi, Management 3, who conveys the idea from his hometown after running it successfully with his school friends.

It is conducted by a group called Team Anak Muda Progresif (TAMPOR) consisting of university students.

"We are targeting students aged between 9 to 16 and expecting 100 students in the first enrollment, as we are still looking for enough manpower to handle our tuitions", said Hafiz.

"The idea we are trying to promote through our free tuition is that, none of the students should be left out of educations just because of economic factors", added Hafiz.

Tuisyen Rakyat operates with resources by TAMPOR themselves and contributions from neighbourhood community along with concerned individuals.

While tuition centers mostly operate by charging fees on each subject taken by students, it is highly impossible for parents who are surviving with average wages and menial jobs to send their children for tuitions.

Tuisyen Rakyat plays a vital role in providing alternative platform for their children to learn without any charges.

"One of the interesting aspects of Tuisyen Rakyat is, students are allowed to choose what are the subjects need to be taught on the day, while the teachers also help with their schoolwork", said Amirul Syafiq, Education 2.

Currently, Tuisyen Rakyat is still waiting for approvals from selected schools in Teluk Kumbar to use their premises to conduct tuition classes, and it is expected to operate in two weeks' time.

Adnan: Ahli MPP harus jadi contoh siswa-siswi



Bacaan ikrar diketuai oleh YDP MPP, Mohd Fahmi Mohd Fadzli, (tiga dari kiri), diiringi NYDP1, Rasis Muhamad Rosdi, (tiga dari kanan), NYDP2, Mohamad Razif Mohd Ramli, (dua dari kiri), NYDP3, Ahmad Syahmi Rasyad Ismail, (dua dari kanan), Setiausaha, Noor Syafira Zainal Abidin, (satu dari kanan), Bendahari, Najibah Ismail, (satu dari kiri) dan barisan Exco MPP USM Sidang Akademik 2015/2016.

Ahli-ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sains Malaysia (USM) harus mempamerkan perwatakan yang akan menjadi contoh kepada siswa-siswi.

Menurut Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni USM, Profesor Dato' Dr. Adnan Hussein, sebagai ahli MPP, mereka juga perlu sentiasa berintegriti, jujur, dan mampu membina jalinan hubungan yang baik bagi meningkatkan keupayaan MPP dalam menjalankan tanggungjawab yang telah diberikan oleh siswa-siswi USM.

"Kepimpinan yang adil dan hala tuju organisasi yang jitu seperti ahli MPP perlu bijak dalam menyampaikan amanah siswa-siswi USM, seiring dengan Pelan Pendidikan Tinggi Negara (PPPM-PT) 2015-2025 yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak", jelas Adnan.

Prof Adnan berkata demikian dalam Majlis Penyerahan Watikah dan Bacaan Ikrar pada 17 September yang lalu di Kompleks Cahaya Siswa.

Pada majlis tersebut, seramai 46 siswa-siswi yang menang pemilihan Majlis Pewakilan Pelajar (MPP) pada 17 September telah dilantik untuk menganggotai MPP Sidang Akademik 2015/2016 dalam

Majlis tersebut disempurnakan oleh Naib Canselor, Profesor Dato' Omar Osman bertempat di Kompleks Cahaya Siswa pada 2 Oktober 2015.

Seramai enam siswa-siswi telah dipilih sebagai ahli Majlis Tertinggi MPP USM Sidang Akademik 2015/5016. Mohd Fahmi Mohd Fadzli, Ilmu Pendidikan 3, dilantik sebagai Yang Dipertua MPP. Beliau dibantu oleh tiga Naib Yang Dipertua iaitu Rasis Muhamad Rosdi, Ilmu Pendidikan 3, dari Kampus Induk, Mohamad Razif Mohd Ramli, Kejuruteraan Kimia 2, dari Kampus Kejuruteraan, dan Ahmad Syahmi Rasyad Ismail, Sains Kesihatan 3, dari Kampus Kesihatan. Noor Syafira Zainal Abidin, Ilmu Pendidikan 3, telah dilantik sebagai Setiausaha dan Najibah Ismail, Ilmu Pendidikan 3, telah dilantik sebagai Bendahari. Seramai 40 siswa-siswi menerima pelantikan sebagai Exco MPP USM Sidang Akademik 2015/2016.

Menurut Yang Dipertua MPP USM, amanat yang diberikan oleh siswa-siswi USM memerlukan rakan-rakan seperjuangan untuk membawa suara siswa-siswi ke peringkat tertinggi universiti. Oleh itu, MPP USM akan memperkenalkan perancangan strategik hala tuju MPP dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU).

"Umum mengetahui mesyuarat JKPU ialah mesyuarat tertinggi universiti dan MPP akan membawa suara siswa-siswi tanpa menyisihkan mana-mana pihak", jelas Fahmi.

Tidak peka pembahagian mata MyCSD

Sikap siswa-siswi yang tidak peka dengan jadual pembahagian mata MyCSD (My Continuous System Development) yang sedia ada telah menyebabkan wujud perasaan tidak puas hati dalam kalangan siswa-siswi terhadap pembahagian mata MyCSD yang dijalankan.

Isu tersebut timbul apabila ramai di antara siswa-siswi khususnya mereka yang menyertai acara Sukan Antara Desasiswa (SUKAD) tidak mendapat tawaran penempatan desasiswa.

Jadual pembahagian mata MyCSD yang dikeluarkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (BHEPA), menjelaskan pembahagian mata MyCSD akan dibahagikan dan dinilai secara adil dan saksama mengikut jawatan yang disandang dan peringkat program yang disertai oleh peserta.

Menurut seorang atlet daripada Desasiswa Bakti Permai, Muhammad Ikmal, pembahagian mata MyCSD ini tidak adil kerana tidak mengambil kira beban yang dipikul oleh siswa-siswi dalam mengikuti sesuatu program itu.

"Perkara ini dilihat sebagai tidak adil dari segi beban yang dipikul. Sejak awal semester para atlet perlu turun ke padang untuk menjalani latihan namun jumlah mata MyCSD yang diraih oleh para atlet hanya empat mata saja", kata Ikmal.

"Berbeza pula dengan mereka yang menjadi ahli jawatankuasa, mereka mendapat lapan mata MyCSD sedangkan secara amnya mereka hanya perlu turun pada hari kejadian bagi memastikan kelancaran program", tambah Ikmal lagi.

Imej baharu Jabatan Keselamatan



BERSEMANGAT... pasukan Jabatan Keselamatan melaporkan diri di hadapan pejabat sebelum memulakan tugas masing-masing.

Oleh **NURUL FAZERA ABDUL AZIZ**

Pakaian uniform Jabatan Keselamatan (JK) Universiti Sains Malaysia (USM) kini bertukar baharu.

Pertukaran ini berkuatkuasa pada 31 Ogos 2015 di Kampus Induk manakala Kampus Kesihatan dan Kampus Kejuruteraan pada 21 September.

Menurut Timbalan Pengarah JK USM, Kapten (B) Mohamed Fadzil Baharudin berkata, JK kini lebih bersemangat dengan imej baharu uniform tersebut.

"Tujuan utama pertukaran uniform JK ini untuk kelihatan lebih tegas. Oleh itu, pemilihan uniform seperti anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) menjadi pilihan dan lebih menjimatkan kos sekiranya mereka pergi ke kursus polis bantuan kelak ", katanya.

"Penukaran uniform kali keempat ini melibatkan seramai 398 staf JK termasuk staf kontrak dan ia telah lama dirancang sejak tahun 2007 lagi tetapi lewat dilaksanakan kerana pada ketika itu ada yang mengatakan staf JK tidak boleh berpakaian seperti anggota polis. Tarikh rasmi pertukaran uniform baharu ini sepatutnya dirasmikan pada 1 Oktober tetapi dilanjutkan pada November atas sebab tertentu", katanya lagi.

Majlis Jemaah Pengarah Keselamatan, Universiti Awam (UA) mahu menyelaraskan uniform staf Jabatan Keselamatan di semua Universiti Awam (UA) tetapi ia tertakhluk kepada Naib Canselor universiti masing-masing. Namun, sudah ada beberapa buah universiti yang telah melaksanakan uniform seperti anggota PDRM ini seperti Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Malaya (UM).

Menurut Ketua Pasukan Kawalan Kampus nombor empat, Abdul Razak Abdul Ghani, pertukaran uniform baharu ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada semua staf JK.

"Penerimaan staf sangat positif. Kami semua teruja dengan uniform baharu kerana mirip dengan anggota polis dan rata-rata staf bersemangat dengan imej baharu ini", katanya.

Tujuan utama pertukaran uniform JK ini untuk kelihatan lebih tegas. Oleh itu, pemilihan uniform seperti anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) menjadi pilihan dan lebih menjimatkan kos

New dryer machines in Engineering Campus

Desasiswa Jaya and Desasiswa Lembaran in Universiti Sains Malaysia Engineering Campus had been equipped with new dryer machines for the students usage.

According to Teh Wei Huai, Mechanical Engineering 4, only Desasiswa Lembaran Block 1 was equipped with the dryer machine two years ago. Only postgraduate students live in Desasiswa Lembaran Block 1. Since the start of the semester, students in Desasiswa Jaya and Desasiswa Lembaran can use the machine to dry their clothes.

The fees of using the dryer machine for 40 minutes are RM2 while the usage time of 60 minutes will be charged for RM3. Each of the desasiswa is equipped with 2 or 3 dryer machines.

"It's good to have a dryer machine in desasiswa. I can dry my clothes in short time and do it whenever I'm free," said Jacqueline Lease, Materials and Mineral Resources Engineering 3.

She also finds that the price of using the machine is affordable. She added that, normally students use the dryer machines during rainy days.

3,014 saman trafik direkodkan

Jabatan Keselamatan (JK) Universiti Sains Malaysia (USM), telah merekodkan lebih 3,014 saman yang telah dikeluarkan dari bulan Januari hingga Ogos tahun ini bagi beberapa kesalahan trafik.

Mengikut statistik yang dikeluarkan, saman kunci roda mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 1,893 dan diikuti 1,561 saman menggunakan kenderaan tanpa kebenaran kerana tidak memiliki pelekat kenderaan.

Menurut Ketua Seksyen Trafik di JK, Encik Narawi Bakar, saman akan dikeluarkan bagi kesalahan pertama sahaja dan kesalahan yang berulang akan mengakibatkan siswa-siswi yang melakukan kesalahan tersebut dikenakan tindakan tatatertib di bawah bidang kuasa Pejabat Perundangan USM.

"Bayaran saman bukan di bawah bidang tugas JK USM, sebaliknya prosedur membayar saman memerlukan siswa-siswi tersebut merujuk terus ke Jabatan Bendahari", tambahan beliau.

Masalah anjing di Kompleks RST ditangani

Isu anjing yang berkeliaran yang mengganggu penghuni desasiswa di Kompleks Desasiswa Restu, Saujana dan Tekun (Kompleks RST), Universiti Sains Malaysia (USM) dapat diatasi dengan baik oleh Jabatan Keselamatan (JK) USM.

Anjing-anjing yang berkeliaran tersebut dan sering mengganggu siswa siswi terutama pada waktu malam dengan mengambil beberapa tindakan seperti mengesan dan menangkap anjing-anjing tersebut.

"Kami telah menghantar sejumlah anjing-anjing tersebut kepada badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang aktif di Pulau Pinang seperti Penang Animal Welfare Society (4PAWS) yang berada di Teluk Bahang, untuk menjalankan tindakan seterusnya mengikut kepakaran mereka dalam menangani isu-isu anjing liar seperti ini di Pulau Pinang", kata pegawai JK, Ramachandran Subramaniam.

Nurul Syafiqah Rashid, Sains Matematik, 3, menyatakan perasan lega apabila situasi di Kompleks RST sekarang aman dengan ketiadaan anjing-anjing liar di kawasan itu.

"Kebanyakan sahabat saya turut berasa lega apabila mereka tidak lagi mendapat gangguan seperti dikejar oleh anjing-anjing tersebut apabila pulang dari kelas pada waktu malam", tambah Syafiqah lagi.

Isu anjing di USM ialah satu isu yang terpencil tetapi memberi kesan yang besar terhadap kebajikan dan keselamatan siswa-siswi terutama yang menghuni di Kompleks RST.

Harga makanan di kafe Restu naik

Kenaikan harga makanan di kafe Restu pada semester ini telah mendapat reaksi daripada siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM).

Menurut wakil Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Mohd Fahmi Mohd Fadzli, beliau sedang mengumpul maklumat tentang beberapa kafe yang telah menaikkan harga termasuklah kafe Desasiswa Restu dan Desasiswa Fajar Harapan.

Beliau akan mengumpul maklumat dan mengadakan perbincangan dengan pihak desasiswa tentang jumlah sewaan yang dikenakan ke atas setiap kafeteria.

"Saya telah merangka beberapa fasa bagi merealisasikan manifesto saya ini kerana saya yakin masalah ini tidak mampu diselesaikan dalam masa yang terdekat. Ia akan melibatkan banyak pihak seperti Unit Perumahan dan Penginapan Universiti (UPPU), desasiswa dan juga peniaga", kata Fahmi.

"Saya perlu menaikkan harga untuk semua buah-buahan ini kerana mengalami peningkatan dalam kos bahan mentah. Sekiranya saya tidak, saya akan mengalami kerugian", kata seorang penjual buah-buahan di kafe Restu yang hanya dikenali sebagai Kim.

Menurut Zarina Yascub, peniaga di kafe Restu, beliau telah menaikkan harga makanannya sebanyak 30 sen.

Peningkatan harga tersebut bukan disebabkan oleh pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) tetapi disebabkan oleh kos harga barang-barang basah seperti timun, cili padi dan ayam yang naik secara mendadak.

Tambah beliau lagi, peningkatan dalam harga makanan tidak menjejaskan sambutan daripada siswa-siswi.

"Saya rasa peningkatan 30 sen masih boleh diterima kerana pengusaha gerai juga terpaksa atas sebab semua kos bahan mentah sudah meningkat", kata Hii Siew Ping, Sains Kimia 3.

Saya perlu menaikkan harga untuk semua buah-buahan ini kerana mengalami peningkatan dalam kos bahan mentah

Dialog perdamaian kongsi info konflik perlarian Rohingya dan Patani

Satu dialog perdamaian tentang isu dan perbincangan konflik semasa perlarian Patani dan Rohingya telah dianjurkan oleh Kelab Perdamai dan Unit Penyelidikan dan Pendidikan untuk Perdamaian (REPUSM) pada 2 Oktober yang lalu.

Dialog yang diadakan di Bilik Persidangan C06, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan itu memberi kupasan mengenai konflik semasa di Patani dan Rohingya.

Ahli panel pertama, Aizat Khairi berkata isu pelarian di Rohingya mempunyai tiga gelombang iaitu gelombang pertama ialah pelarian melalui jalan udara, manakala gelombang kedua ialah pelarian melalui jalan darat dan gelombang ketiga ialah melalui jalan laut.

Tambahnya lagi, sehingga Ogos 2015, hampir 48 ribu masyarakat Rohingya yang berdaftar di Malaysia sementara anggaran yang tidak berdaftar ialah dalam 20 ribu orang.

"Masyarakat Rohingya mengambil risiko yang besar apabila mereka menggunakan jalan laut disebabkan ia mengambil masa selama empat hingga enam minggu dan mereka mempunyai sumber makanan yang terhad", kata beliau.

Menurut ahli panel kedua, Azman Zahareiman, konflik di Patani berlaku disebabkan kerajaan Thailand cuba untuk mengasimilasikan budaya Siam kepada orang Melayu Patani.

"Kebanyakan sistem sekolah di Patani menggunakan sistem sekolah pondok tetapi kerajaan cuba menukar sistem persekolahan ini dengan sistem sekolah kebangsaan", ujar beliau lagi.

Dialog perdamaian itu turut dihadiri oleh pelajar-pelajar tingkatan empat dari High School Bukit Mertajam (HSBM), Pulau Pinang.

Masyarakat Rohingya mengambil risiko yang besar apabila mereka menggunakan jalan laut disebabkan ia mengambil masa selama empat hingga enam minggu dan mereka mempunyai sumber makanan yang terhad.

Banteras keganasan perlu kerjasama rakyat

Oleh **MOHAMAD YUSOF HELMY RAMLI**

Membanteras keganasan memerlukan kerjasama semua rakyat di Malaysia.

Rakyat seharusnya berkerjasama dengan pihak berkuasa untuk memastikan agar Malaysia selamat daripada segala jenis keganasan yang memberi impak kepada perniagaan dan keselamatan negara.

Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Tan Sri Lee Lam Thye menyatakan bahawa peningkatan kadar jenayah akan membawa impak negatif terhadap perniagaan dan juga keselamatan negara dalam ucapannya semasa merasmikan 4th International Industrial Security Seminar.

Seminar tersebut telah membincangkan isu-isu berkaitan dengan keganasan terutama yang berlaku di Asia. Seminar itu juga menyentuh kebimbangan rakyat yang semakin meningkat terhadap keganasan serta impak negatif terhadap persekitaran perniagaan dan interaksi sosial yang menjejaskan ekonomi negara.

"Seminar ini amat sesuai dianjurkan untuk melihat keadaan semasa dengan lebih mendalam, memberi kesedaran dan kefahaman tentang keganasan serta impaknya kepada masyarakat dan perniagaan. Sehubungan itu, kita boleh melihat jalan penyelesaian yang boleh dilakukan badan-badan berkuasa untuk mengatasi masalah yang sedang berlaku", jelas Lee.

Lee turut menerangkan bahawa keganasan melahirkan perasaan takut dalam masyarakat serta memberi impak kepada semua badan pentadbir dan kawasan perniagaan pada peringkat negara, serantau dan global.

"Ketakutan berlaku apabila terdapat peristiwa yang menyebabkan kehilangan nyawa dan mengganggu perniagaan mangsa. Pengganas berusaha untuk meluaskan gangguan, ketakutan dan ugutan. Justeru, mereka menggunakan keganasan dan ancaman untuk memperlihatkan perjuangan mereka selain mendapatkan simpati", terang Lee lagi.

Lee berharap bahawa seminar itu dapat merapatkan hubungan antara kaum dan menjelaskan kepada rakyat mengenai kepentingan kerjasama dalam membanteras keganasan yang kian berleluasa.

Profesor Madya Dr P. Sundramoorthy yang turut hadir pada seminar tersebut berpendapat bahawa isu keganasan melampaui aspek agama dan boleh berlaku akibat daripada ideologi politik, ekonomi dan sosial yang ingin diketengahkan.

Terdapat 10 kajian yang telah dibentangkan semasa seminar tersebut yang membincangkan mengenai pola keganasan di Asia, ancaman keselamatan negara masa kini, penggunaan internet untuk kegiatan pengganas dan jenayah, isu pertahanan ancaman keganasan di Asia Tenggara serta analisis kriminologi terhadap keganasan.

Seminar yang dianjurkan oleh Universiti Sains Malaysia bersama Yayasan Pencegahan Malaysia (MCPF) dan Polis DiRaja Malaysia turut dihadiri oleh Pengerusi MCPF Pulau Pinang, Dato' Syed Jaafar Syed Ali dan Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa USM, Profesor Dato' Dr Ahmad Shukri Mustapa Kamal.

Lee berharap bahawa seminar itu dapat merapatkan hubungan antara kaum dan menjelaskan kepada rakyat mengenai kepentingan kerjasama dalam membanteras keganasan yang kian berleluasa.

Is religion a bridge towards peace?

Seeing how the world is today, with bloodsheds and killings done in the name of one's faith, it is no surprise that it has created a layer of ambiguity in most of us: Does religion breaks people apart or brings unity?

To shed some light on the topic, the International Human Rights Committee, in collaboration with Persatuan Muslim Tanjung (PELITA) has recently invited Dr. Sir Iftikhar Ayaz to give a keynote speech at a peace forum entitled Religion: A Threat or a Source of Peace. The event took place end of last month at Auditorium Seameo Recsam, Penang.

On a journey around the world, the honourable speaker decided to make a stop in Malaysia to share his insights on how important it is for the people of different religions to unite under the banner of prosperity in order to create harmony and a lasting peace for the world.

In the beginning of his talk, Dr Iftikhar said that the concept of life is meaningless without peace.

"It's disheartening to see that here in the world today, we find that religion has become one of the dividing factors," he said.

"It has built up walls that we are trying to demolish. Every religion is trying to build bridges across humans with different traits, different religions, different ethnicities and different cultures. Why? Because we really want the world to enjoy lasting peace, harmony and prosperity," he asserted.

Throughout his speech, Dr Iftikhar suggested that it is the people themselves who made it hard to acquire peace by ignorantly distancing themselves from practicing the true teachings of their faith.

"We must learn and understand that true peace can only come and be blessed upon us by out creator. And the link with that creator is no other besides religion," he said.

"We must work towards building up these paths in order to link up with the creator, so that we can receive those divine lights, those divine gifts which he has for us. God does not want us to live in a world which is being destroyed by our own humans," he added.

"A human killing another human on the basis of whatever it is and some humans using religion to achieve their own motives, and that really creates a dilemma in our mind," he continued.

Dr Iftikhar also made a thoughtful point in his speech when he said that there is a deep and strong interconnection between man's ability (mind) and the system of the universe.

"For example, the eye has a relationship with the sun. Without light, the eye sees nothing. Without an external source of light, no eye has the power of sight. In the dark, it is like the eye of a blind person," he said.

"Similarly, the mind, without religion and spiritual knowledge, conveyed through divine revelation and containing various degrees of spiritual light, man cannot reach the true knowledge and thus, peace cannot be attained," he explained.

He proposed that if all the followers of all religions were to practice the true teachings of their faith, he was confident that peace would be within their grasp.

Kedamaian bermula dalam diri individu

Perdamaian bukanlah sesuatu konsep yang perlu untuk difikirkan, ia adalah suatu gaya hidup yang patut diamalkan.

Demikianlah mesej yang disampaikan oleh Profesor Kunjungan Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (CenPRIS), Profesor Emeritus Dr Omar Farouk Sheikh Ahmad, dalam forum All We Need Is Peace bersempena Minggu Perdamaian Universiti Sains Malaysia (USM) ke-6 anjuran Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan pada 1 Oktober 2015.

Menurut Prof. Emeritus Dr Omar lagi, pendidikan ialah elemen penting dalam proses perdamaian dan institusi formal seperti sekolah dan universiti serta institusi informal seperti keluarga berperanan dalam membentuk nilai ini dalam individu tersebut namun kedamaian harus dikecapi dalam diri sendiri terlebih dahulu.

"Konflik politik seperti peperangan merupakan simptom yang membawa kepada masalah yang lebih besar," ujarnya lagi.

Dalam masa yang sama, ahli panel kedua iaitu Timbalan Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang, Encik Mohideen Abdul Kader, berpendapat bahawa budaya konsumerisme membawa kepada gejala kemusnahan terhadap perdamaian.

Beliau juga menyarankan agar politik antarabangsa diambil kira dalam penguatkuasaan polisi bagi menjamin kedamaian.

Forum yang diadakan di Bilik Persidangan PP Sains Kemasyarakatan telah dimoderatorkan oleh Timbalan Pengarah CenPRIS USM, Dr Azeem Fazwan Ahmad Farouk dan dihadiri oleh Dekan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Profesor Madya Dr Nor Malina Malek serta ahli akademik yang lain.

Orang Asli terokai keindahan USM



Pelajar-pelajar Orang Asli dari SMK Kampar bersama guru-guru dan pengiring melawat Dewan Tuanku Syed Putra (DTSP) yang selalu digunakan untuk upacara konvokesyen siswa-siswi.

Oleh **SIOW JING EN**

Lawatan sambil belajar di Universiti Sains Malaysia (USM) disertai oleh pelajar Orang Asli untuk memberi motivasi kepada mereka agar berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik.

Menurut pensyarah Pusat Pengajian Sains Komputer, Puan Chong Yung Wey, kebanyakan pelajar Orang Asli tersebut jarang menikmati peluang untuk melawat tempat luar daripada kawasan tempat tinggal mereka.

"Ini adalah kali pertama saya melawat ke universiti dan saya harap dapat belajar di sini pada masa hadapan," kata Norhira, seorang pelajar yang bercita-cita menjadi guru matematik.

Seramai 41 orang pelajar orang asli yang berumur antara 13 ke 17 tahun dari Sekolah Menengah Kebangsaan Kampar, Perak telah menyertai lawatan sambil belajar ke Pulau Pinang. USM menjadi tempat lawatan pertama mereka di Pulau Pinang.

Pelajar-pelajar tersebut telah dibahagikan kepada tujuh kumpulan dan mereka diiringi oleh enam orang siswa-siswi serta seorang pensyarah dari USM.

Pelajar-pelajar tersebut telah didedahkan dengan bangunan sekitar USM Kampus Induk. Mereka juga telah dibawa melawat dewan kuliah dan beberapa pusat pengajian di USM.

Chung Zheng How, Sains Komputer 3, telah berkongsi pengalamannya belajar di USM. Chung percaya pendidikan ialah perkara yang penting dalam mengubah kehidupan seseorang.

Beliau juga menggalakkan pelajar-pelajar tersebut belajar bersungguh-sungguh supaya dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti.

Guru-guru yang turut menyertai lawatan ini berharap lawatan ke USM dapat memberi dorongan kepada anak murid mereka untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Ia juga dapat membantu mereka memahami suasana belajar di universiti melalui perkongsian daripada siswa-siswi USM.

Siswa-siswi USMKK berkhidmat di Pulau Pinang

Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (BHEPA) dan Kampus Kesihatan Universiti Sains Malaysia (USM) telah mengadakan Program Mahasiswa Baharu Bermasyarakat (PMBB) yang berlangsung pada 18 dan 19 September 2015.

Program ini melibatkan siswa-siswi tahun pertama seramai 65 orang dan Pembimbing Program Siswa Lestari (PPSL) seramai 18 orang.

Menurut Pengarah Projek PMBB, Heng Ann Nie, visi PMBB untuk membentuk warga Universiti Sains Malaysia Kampus Kesihatan (USMKK) yang bukan sahaja cemerlang dari segi intelektual iaitu berdasarkan teori sahaja malah tahu cara untuk mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian.

Sehubungan itu, program seumpama ini diharapkan dapat merealisasikan aspirasi USMKK tersebut melalui penganjuran program-program yang mampu mencapai matlamat tersebut sesuai dengan tema program iaitu 'we care we share'.

Tambah Heng lagi, projek PMBB menggalakkan siswa-siswi untuk menjadi sukarelawan. Ini ialah projek pertama PPSL dan Kampus Kesihatan bekerjasama dengan Kor Sukarelawan USM Kampus Induk untuk melaksanakan tugas sukarelawan bersama.

Kali ini juga mereka membawa pelajar melawat gelandangan sambil menderma pakaian, selimut tebal dan makanan.

"Secara keseluruhannya siswa-siswi memberi kerjasama yang baik dan mereka berbual dengan orang gelandangan. Mereka belajar sesuatu nilai murni seperti berhemah tinggi, bersimpati dan hormat menghormati. Kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Zulkifli Che Hussin dan Kor Sukarelawan USM Kampus Induk kerana menolong kami melancarkan program", jelas Heng lagi.

Menurut Zulkifli yang kini bertugas sebagai Pegawai Kebudayaan BHEPA, program ini dapat memupuk semangat kelestarian sosial dalam kalangan siswa-siswi baharu dan menyedarkan siswa-siswi bahawa mereka mempunyai tanggungjawab besar untuk membantu masyarakat.

"Program ini dapat mengingatkan pelajar bahawa kita perlu selalu bersyukur dengan setiap pemberian yang diperolehi", jelas Zulkifli lagi.

Penerbit USM langkah ke era digital

Penerbit Universiti Sains Malaysia (USM) yang memasarkan buku-buku ilmiah secara atas talian telah membawa USM melangkah ke arah zaman digital. USM adalah universiti pertama di Malaysia yang memasarkan buku secara atas talian di seluruh dunia.

Menurut Pengarah Penerbit USM, Akhiar Salleh, selain menjimatkan ruang untuk menyimpan stok buku secara fizikal, penerbitan buku secara atas talian memudahkan orang ramai dari seluruh dunia untuk membeli dan membaca hanya di hujung jari.

"Menceburi bidang bahan bacaan elektronik dapat mempertingkatkan keternampakan hasil-hasil buku terbitan USM", kata Akhiar.

Menurut Akhiar, pemasaran bahan bacaan elektronik memerlukan pengedar yang mempunyai Digital Rights Management (DRM), iaitu sistem keselamatan yang memelihara hak pengedaran buku-buku itu. Format e-Pub telah dikenali sebagai pengedar yang memenuhi syarat keselamatan itu.

Bahan bacaan elektronik dalam format e-Pub memudahkan pembaca melalui pelbagai fungsi seperti penyesuaian automatik mod malam dan penukaran saiz tulisan yang tidak dapat dilakukan dalam Portable Document Format (PDF).

Sasaran pembeli bahan bacaan elektronik ini adalah ahli akademik dan siswa-siswi di seluruh dunia. Orang ramai boleh membeli bahan bacaan elektronik itu dalam portal Amazon.com, Apple Store, Google Play dan sebagainya", tambahnya.

Namun, hanya bukan warganegara Malaysia, boleh membeli buku Penerbit USM melalui Apple Store.

"Jika dicari 'Penerbit USM' dalam Apple Store dalam Malaysia, adalah tiada hasil pencarian bagi bahan bacaan itu", jelasnya.

"Penerbitan secara atas talian akan terus diusahakan bagi melaksanakan transformasi penerbitan secara agresif untuk mencapai Pelan Transformasi Penerbit USM2013-2015", tambah beliau.

Still very much involved in academic, research

. . . From page 1

Dr Augustine is still very much involved in the research field and articles for publication.

"Instead of teaching at university level, I am very much involved in research supervision and delivering lectures based on research findings. I am keeping interest in higher education matters including organising annual exhibitions of inventions at international level (ITEX)", he said.

At the golden age of 81, Dr Augustine does not show any sign of stopping anytime soon as he still helms the posts as the President of the Malaysian Oil Scientists' and Technologists' Association, a Senior Fellow of the Academy of Sciences, Malaysia, a Fellow of the Royal Society of Chemistry London and a Fellow of the Third World Academy of Sciences to name a few.

When asked about how he managed to juggle his time, he pointed out that time management is of the essence.

"Time-management and interest are keys to complete several tasks in a given time. The ability to select like-minded colleagues and stimulate their interests is an important success factor. I have found that multi-disciplinary approach is extremely effective in seeking solutions to real problems," he explained.

Currently involved in a project to study the relationship between structures of edible oils and human nutritional effect, he is also writing articles on human nutrition and a study to find biological system to reduce ammoniacal nitrogen in effluents.

The Ninth AAN 2015 was presented on 21 September 2015 by the Minister of Higher Education, Dato' Seri Idris Jusoh at Putrajaya.

Peraturan Desasiswa Bahagian B dikuatkuasa di Desasiswa Murni

Notis Peraturan Desasiswa Bahagian B mengenai pemilikan dan penggunaan alat elektrik telah dikeluarkan pada 6 September di Desasiswa Murni, Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia (USM).

Menurut Penggawa Desasiswa Murni, Hafiz Assad Zakaria, pengurusan desasiswa akan menjalankan pemeriksaan bilik untuk memastikan penguatkuasaan kepada Peraturan Desasiswa Bahagian B dipatuhi oleh semua penghuni.

Soon Jia Tian, Sains Kesihatan Perubatan 3, berkata setelah notis itu dikeluarkan, banyak aduan telah dilakukan oleh penghuni Desasiswa Murni.

Menurut bekas exco Unit Perumahan dan Penginapan Universiti (UPPU) dan Kesejahteraan Pelajar, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Fikri Shaharudin Basri, MPP telah mengusulkan cadangan untuk mewujudkan sistem pelekat barangan elektrik bagi membenarkan siswa-siswi menggunakannya tanpa dirampas.

"Barangan elektrik adalah barangan terlarang di desasiswa disebabkan oleh kebersihan, keselamatan dan kos elektrik yang semakin meningkat. Cadangan bagi mewujudkan sistem pelekat barangan elektrik telah diusulkan bagi membendung masalah ini telah dihantar kepada Penggawa Desasiswa Murni untuk dibincangkan bersama dengan Majlis Penggawa", katanya.

Volunteering on the voyage of hope



LOGOS HOPE… the world's largest floating book fair was returning to Penang to bring knowledge, help and hope to people.

Logos Hope is the world's largest floating book fair but for the crew and staff volunteering on board, it is more than just a book fair. To them, it is home.

As we are taken on a private tour around Logos Hope away from its book fair, the first thing we noticed was the friendly and occasionally cheeky greetings exchanged between our host, a Taiwanese volunteer, Ivy Chiu and her fellow multinational volunteers. With over 400 volunteers from 60 different nations currently working together on board, one cannot help but be amazed by how well everyone get along with one another.

"It's really a beautiful thing when you see different nationalities get together for the same cause," Randy Grebe, the Director of Partner Ministries of Logos Hope said.

Indeed, the very diverse volunteers seem to have adjusted and adapted well together and forming a huge multicultural family of its own. Despite the differences, every one of them are unified by the same vision that is to serving port communities around the world with knowledge, hope and help. Even so, this unique living situation also poses many challenges for them.

When asked about the conflicts faced on board caused by difference of opinions while working together , Randy gave a hearty laugh before replying, "Of course conflicts are inevitable but they are necessary to make things better here. It is through conflicts that we learn to accept and appreciate each other's differences."

Most volunteers are young people in their 20s and 30s who are dedicating two years of their life to serve on board. Upon volunteering, they are required to undergo five weeks of intensive pre-ship training.

"This ship is like a floating city. Everyone is responsible for its safety and also the safety of others. The training prepares them for many different aspects such as surviving at sea, man overboard, first aid and even CPR," Randy explained.

Recently taking in a total of 140 new crew members, they underwent basic ship training which took place at the Universiti Sains Malaysia (USM) swimming pool and conducted by none other than Randy himself.

"We carry out this training twice a year whenever we bring in new recruits. Part of the training involves fire drill, learning how to put the life gear on and how to flip a lifeboat," he added.

Upon completion of the training, each volunteers will first take on basic positions such as working in the galley, pantry or book fair to get adjusted to living in a vessel as a community. Eventually, every one of them will be placed in a specific department based on their skills and specialties.

"I was placed in the hotel service department where I was assigned to cleaning 203 toilets on the vessel every day," recalled Ivy who holds a Degree in Journalism and was later promoted as a Media Relations Officer.

"For those who are not ready for a long term commitment and are interested in volunteering for a short term, they can sign up for our Short Term Exposure Programme (STEP)," Randy added.

Throughout the three-month STEP program, recruits will be exposed to practical work in one of the ship's departments and working alongside the international crew for five days a week and eight hours a day. Then, the STEPers are given a choice to extend their volunteering stint to two years or to be a long-term volunteer.

In order to be part of the team, one has to be at the age of 18 and above, physically fit to travel, well-versed in English and able to raise monthly sponsorship from family and friends who will bank in the money to the volunteer's bank account.

"None of the crew and staff here, including the captain, is paid any salary. All of us are volunteers and we are required to cover the cost of operation of the ship and our own expenses such as food, accommodation, insurance and medical with the funds we receive from friends and family," said Randy who has volunteered on Logos Hope since 2007.

No doubt volunteering on Logos Hope is not only a huge decision but also a costly one. However if one was to approach the volunteers, many of them would tell you that their experience on board, while intensive, has been both rewarding and life-changing.

Nathan Le Roux, who has been serving on board since February 2011, he felt that he has gained more insights and inspiration from around the world as a volunteer compared to his previous job as a commercial photographer.

"I get to meet and interact with a lot of key individuals in many states and felt so amazed by their determination and passion to create a better future," said the South African volunteer who is now a qualified sailor.

Ivy Chiu, on the other hand, felt that volunteering on Logos Hope has served as a greater eye opener and has changed her for the better compared to when she was a journalist back in Taiwan.

"I got to know this drug addict from South Africa who received help from an organisation to get proper education and later joined that very organisation to help others. His journey to redemption really moved me," she explained.

"Through volunteering, I've become more appreciative and compassionate as a person. Even my parents have noticed how it has transformed me into a better person and has since been very supportive of my decision to volunteer," she added.

For Betty Toral, a volunteer from Mexico since February 2014, Logos Hope is one of her unforgettable memories. After getting to know the many crises around the world while studying economic geography, she decided to be more involved by volunteering on Logos Hope.

"My participation in the poverty simulation program was the most life-changing experience. From there, I was exposed to the realities of poverty and I was shocked by the drastic measures taken by the poor like selling their organs, flesh trade and distributing drugs in order to survive," she recalled.

Experience like this has not only driven her to step out of her comfort zone and reach out to the unfortunates; it has also impacted her perception of life and made her realized how privileged she is compared to others.



Media relation crew, Ivy Chiu, who has passion on helping others, warmly shares her knowledge about Logos Hope throughout the entire interview session.

History of Logos Hope

Good Book for All (GBA) Ships, an organization from Germany began its operation since 1970 and is known as a floating book fair sailing around the world. They are not selling books but bringing knowledge, help and hope.

In 1973, GBA Ships constructed Gustav vasa, a passenger as ferry. It was named Norrona in 1983 when Smyril Line took over its operation.

By 2004, GBA Ships has raised sufficient fund to acquire this vessels and create a new renovation for its current role. In 2005, it was renamed Logos Hope. Logos, a Greek word means 'word, thought, principal or speech. Logos Hope was sailed to Trogir, Crotia to upgrade onboard accommodation and to install a larger book deck. It sailed in active in February 2009 until now.

Before Logos Hope, there more three other vessels operating under GBA Ships that was active between 1970 and 1988, Logos (1989-2008) and Doulos (1977-2009). Doulos was recognized in the Guinness Book of record as the world's oldest active vessels for over 32 years.

Logos Hope has made over 1400 port visits in over 160 countries and they have welcomed over 42 million visitors on board.

Logos Hope also has visions providing access of high quality literature, expressing practical love to those in need, promoting peace by embracing diversity and guiding people towards a purposeful life.

Bringing help and hope to people



The crews on board put on an interesting puppet show for the children.

The issue of poverty has been a worldwide problem which happens everyday. There are two kinds of poverty faced by people around the world. First, material poverty which is brought by the lack of basic education and healthcare, tragedies caused by natural disasters and human wars. Non-material poverty comes after material poverty where it brings depression, helplessness and lack of hope.

Through long term volunteering work, Logos Hope aims to bring help and hope to these people. In their vision, temporary volunteering work would not be able to bring a big impact to people. According to Randy and Ivy, they rather provide significant humanitarian relief such as material aid, creating awareness of health risks and donating education literature to people regardless of background, religion and creed.

Logos Hope identified these volunteering works by sending a few of their representatives two to three months earlier to a specific port in search for suitable projects to lend a helping hand. They work with ground partners and take the wide range of aid and relief projects on shore.

Among the projects undertaken include hosting over 80 tribal chiefs on board in Ghana during the programme of promoting peace done by Logos Hope in 2010.


Besides, the Agape Orphanage in Myanmar was constructed and further developed in 1998 and 2002. In 2000 and 2010, computer training was provided for young people in Liberia while in 2002, 2003 and 2010, Logos Hope had conducted awareness and education programmes in West Africa to raise their awareness on HIV and AIDS.

Logos Hope's effort to spread knowledge is also recognised when they donated educational literature to the National Library and the University of East Timor in 2008. In 2010, over 1,300 books were donated to establish 13 new library branches in rural areas in Sierra Leone. They also provided library training to 37 individuals in partnership with the National Postal Service.

More hope were shared through Logos Hope's partnership with Operation Blessing to conduct medical, dental and eyeglass outreach to city jails, schools and shelters in Philippines in 2012. They had donated 195 water purifiers to local communities.

Recently, in 2014, construction and community development was done in Sri Lanka. Logos Hope had conducted a 2-day workshop and donated 12 sewing machines to a group of under-privileged women. A skills training centre was setup to help these women to increase their income.

Floating book fair




There are variety types of books selling on board which include children's favourite books with low price.

One of the visions of Logos Hope is bringing knowledge to everyone, everywhere. Thousand of books consisting of different genres including religions, sports, hobbies, arts and social science are available for sale with cookery and children's books are among the bestsellers.

These books are donated from various companies and publishers. Walmart, one of the many book donors, donates returned books from customer to Logos Hope. Receiving books from different ports, they also have their own book cargo which supplies books to the vessel. All the profit from the book fair is used to maintain the ship.

Since 1970, Logos Hope has never stopped bringing knowledge to people around the world and will continue to do so for many years to come.



Kajian PPAG di Sungai Batu singkap tamadun Kedah Tua

Oleh **INTAN MAHSURI SULAIMAN**

Bercerita mengenai kegemilangan pensejarahan bangsa Melayu dahulunya, perkara tersebut sering kali dipertikaikan oleh pelbagai pihak. Lebih menambahkan kebingungan, apabila terdapat pihak yang mengatakan bahawa ketika bangsa Melayu ditemui pada suatu ketika dahulu, mereka digambarkan cukup daif dengan hanya mengenakan cawat.

Namun kini, penemuan di Lembah Bujang amnya dan kawasan Sungai Batu khususnya telah membawa satu kejayaan dalam usaha memartabatkan kajian dan penyelidikan pensejarahan bangsa Melayu di Asia Tenggara.

Kajian terhadap Lembah Bujang telah dimulakan H.G. Ouaritch-Wales sejak tahun 1840-an lagi. Terdapat 29 tapak candi yang ditemui di kawasan Lembah Bujang pada ketika itu seperti Candi Bukit Batu Pahat,dan Candi Kampung Pangkalan Bujang. Penemuan-penemuan tersebut telah membuktikan bahawa, wujud sebuah kerajaan masyhur yang menerima pedagang dari seluruh Asia.

Namun, kerajaan yang pada awalnya dikatakan wujud pada kurun ke-5 Masihi ini telah menerima satu dimensi baru dalam pensejarahannya setelah kawasan Sungai Batu ditemui.

Penemuan tapak ekskavasi Sungai Batu yang berkeluasan 4 kilometer (km) persegi bermula apabila Jabatan Warisan Negara (JWN) meminta agar Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG), Universiti Sains Malaysia (USM) untuk melengkapkan data kawasan Lembah Bujang.

"Walaupun kami telah menerima arahan untuk melengkapkan data Lembah Bujang pada tahun 2007 namun, kerja-kerja ekskavasi oleh PPAG hanya bermula pada tahun 2009 setelah menerima geran penyelidikan di kawasan tersebut daripada JWN dan USM", terang pengarah PPAG, Profesor Dato Dr Mokhtar Saidin,

Tambah beliau lagi, sewaktu PPAG diberikan kepercayaan untuk melengkapkan data Lembah Bujang, banyak persoalan yang timbul terutamanya mengenai usia artifak, monumen dan struktur yang ditemui. Setelah meneliti kajian dan penyelidikan sebelum ini, timbul persoalan mengenai tarikh-tarikh kewujudan kerajaan Kedah Tua yang dikatakan pada ketika itu wujud paling awal pun pada kurun ke-4 atau kurun ke-5 Masihi.

Melihat kepada kawasan kajian sebelum ini, beliau dapat merasakan masih ada yang belum diterokai mengenai Kerajaan Kedah Tua ini sedangkan Selat Melaka telah lama wujud dan tidak mustahil kerajaan Kedah Tua juga mungkin telah lama wujud.

"Saya mula melakukan pemetaan semula kawasan tersebut bagi mengenalpasti bentuk muka bumi di kawasan tersebut dan paras air laut sekurang-kurangnya pada kurun pertama Masihi. Hasil pemetaan mendapati, paras air pada kurun pertama berbeza dan penemuan yang telah dijumpai sebelum ini sebenarnya berada di bawah paras air pada ketika itu", jelas prof Mokhtar

Menurut beliau lagi, setelah keputusan pemetaan siap, beliau telah meninjau kawasan Sungai Batu yang berada jauh ke dalam berbanding kawasan-kawasan tapak ekskavasi sebelum ini. Tinjauan pertama beliau di kawasan ladang kelapa sawit tersebut ternyata tepat apabila kelihatan bongkahan bata telah timbul di permukaan tanah akibat daripada hakisan.

Setelah lima tahun menjalankan kerja-kerja ekskavasi di Sungai Batu sebanyak 49 buah tapak telah dibuka daripada 97 buah tapak yang ditemui. Tapak-tapak ini memainkan fungsi-fungsi yang berlainan. Sehingga ke hari ini, terdapat empat fungsi-fungsi yang telah dikenalpasti iaitu tapak ritual, tapak pelabuhan, tapak peleburan besi dan tapak pentadbiran.

Misalnya, tapak ritual yang ditemui ialah sebuah struktur bulatan yang dilihat mempunyai ciri-ciri animisme yang mungkin digunakan oleh masyarakat terdahulu untuk menyembah Gunung Jerai yang terletak ke utara kawasan tersebut.

Struktur bongkahan bata yang bersifat setempat jelas membuktikan bahawa senibina tersebut adalah hasil orang tempatan yang mungkin pernah tinggal di kawasan tersebut.

Penemuan tersebut juga membuktikan bahawa bangsa Melayu pada ketika itu, sebenarnya telah memiliki kemahiran yang tinggi untuk menghasilkan bongkahan bata. Di samping itu, penemuan tersebut telah membuktikan bahawa kepercayaan animisme diamalkan sebelum pengaruh agama Hindu- Buddha tiba di Kedah pada kurun ke-5 Masihi yang kemudiannya disusuli dengan agama Islam pada kurun ke-12 Masihi.

Sehingga hari ini tapak kerajaan Kedah Tua dianggarkan telah mencapai keluasan sehingga 1,000 km persegi dan melibatkan hampir sebahagian besar kawasan di utara Kedah. Kronologi pensejarahan Kedah Tua sekarang ini jelas bermula di Sungai Batu.

Selain itu, di kawasan tapak peleburan jelas kelihatan bijih besi, sisa besi, tuyere (alat peniup angin) dan sisa relau. Menurut Iklil Izzati Zakaria, pelajar Kedoktoran (PhD), kaedah yang digunakan untuk mendapatkan besi pada ketika itu, ialah dengan meleburkan bahan mentah besi bercampur pasir, arang dan kapur.

Setelah semuanya cair, ianya akan mengalir keluar daripada relau. Realau juga dipecahkan untuk mendapat besi di dalamnya. Hasil kajian mendapati usia perusahaan besi lama ini telah mencecah 380 tahun Sebelum Masihi. Hasil dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa masyarakat tempatan pada ketika itu memiliki teknologi dan kemahiran yang tinggi dalam perindustrian besi.

Menurut penulisan I-Ching, seorang pengembara daripada tamadun China mengatakan bahawa beliau telah singgah di Chiah-cha pada ketika itu dan mengambarkan kerajaan Kedah Tua sebagai sebuah pusat perdagangan dan pelabuhan yang teragung di rantau Asia.

Berdasarkan rekod saintis Islam, Al-Biruni dan Al-Kindi, besi di Kedah Tua (Kalah) adalah besi yang terbaik di dunia.

Penemuan Relau Jeniang



[KIRI] Struktur ritual yang dipercayai digunakan oleh masyarakat tempatan dalam pengamalan kepercayaan animisme. [KANAN] Tuyere, alatan yang berbentuk silinder dengan saliran lubang digunakan sebagai laluan angin ketika proses peleburan besi di dalam relau.

misalnya, telah membuktikan bahawa masyarakat tempatan pada ketika itu telah memiliki kemahiran yang tinggi dalam pengawalan suhu dan pembuatan relau.

Penemuan 12 buah tinggalan struktur lama berdekatan dengan kawasan pelabuhan Sungai Batu kuno membuktikan bahawa terdapat urusan pentadbiran yang dilakukan untuk membantu sistem perdagangan Kedah Tua yang mengurus dan mengawal selia kerajaan Kedah Tua yang dikatakan sedang berkembang pesat pada waktu itu.

Terdapat lapan tapak pelabuhan yang telah ditemui dan berjaya diekskavasi di kawasan Sungai Batu kuno. Walaupun keadaan Sungai Batu kuno sudah tidak seperti dahulu lagi namun, masih terdapat laluan air dan tumbuhan paya yang masih boleh dilihat di kawasan tersebut. Tambahan pula, penemuan beberapa lantai jeti di tapak-tapak berhampiran Sungai Batu kuno memberikan gambaran bahawa kawasan tersebut pernah menjadi sebuah kawasan pelabuhan yang pesat. Penemuan tiang layar dan paku di kawasan tasik kuno pula memperkukuhkan lagi bukti bahawa kawasan tersebut sememangnya sebuah pelabuhan lama yang menerima kunjungan banyak kapal-kapal dagang.

Tambah Iklil Izzati bagi memastikan setiap pentarikhan artifak, struktur dan monumen adalah tepat. Kaedah Optically Stimulated Luminescene (OSL) dan radiokarbon telah digunapakai. Kaedah OSL adalah sebuah kaedah yang digunakan bagi mengkaji usia bongkahan bata dan struktur sesuatu monumen.

Melalui kaedah ini sampel bata akan diambil untuk menentukan tarikh terakhir kuarza di dalam bata tersebut terdedah kepada cahaya matahari yang secara langsung memberikan tarikh bila bata dibuat.

Manakala kaedah radiokarbon pula melibatkan kajian terhadap usia sisa-sisa arang atau abu dengan mengesan tahap karbon yang ada pada sisa-sisa arang atau abu tersebut. Walau bagaimanapun, kaedah kajian melalui teknologi ini masih belum terdapat di Malaysia dan pentarikhan kawasan Sungai Batu kuno ini dilakukan oleh beberapa makmal di Amerika Syarikat, Jepun dan Korea Selatan. Misalnya, makmal Radiocarbon Beta, Florida Amerika Syarikat yang melakukan kajian melalui kaedah Radiokarbon.

Sehingga hari ini tapak kerajaan Kedah Tua dianggarkan telah mencapai keluasan sehingga 1,000 km persegi dan melibatkan hampir sebahagian besar kawasan di utara Kedah. Kronologi pensejarahan Kedah Tua sekarang ini jelas bermula di Sungai Batu.

Ketamadunan kedah Tua sememangnya masih banyak yang perlu dirungkai. Masih terdapat sebanyak 51 tapak yang masih belum diekskavasi dan dibuka serta tidak mustahil pelbagai penemuan dapat diterokai pada masa akan datang.

Walau bagaimanapun, penemuan pada hari ini sudah cukup membuktikan bahawa ketamadunan kerajaan Melayu telah lama wujud di Asia Tenggara lantas menolak fakta kajian sebelum ini yang mendakwa bahawa kerajaan Kedah Tua hanya wujud pada kurun ke-4 dan kurun ke-5 Masihi. Jelaslah bahawa penyelidikan yang dilakukan oleh pihak PPAG, USM telah berjaya untuk membuktikan bahawa pensejarahan ketamadunan bangsa Melayu telah bermula lebih awal, iaitu pada 487 tahun Sebelum Masihi berbanding tarikh yang telah diuar-uarkan sebelum ini

Kejayaan ini telah membawa satu titik tolak baharu kepada pensejarahan bangsa Melayu dan ketamadunan terawal di Asia Tenggara iaitu kerajaan Kedah Tua yang sebenarnya telah mencecah usia sejak 2,200 tahun dahulu.

Makanan tradisi ketupat palas

Oleh **NURUL FAZERA ABDUL AZIZ**

Kuih dan muih beranika macam,
Makanlah jangan hanya dipandang,
Ketupat rendang sila nikmati kawan,
Penat memasak malam ke pagi.

Kemeriahan sambutan hari raya puasa dan hari raya haji jelas tergambar dalam lirik lagu *Suasana Hari Raya* yang didendangkan oleh Anuar Zain dan Ellina sangat menggamit memori pada hari lembaran. Setiap kali lembaran kunjung tiba, masyarakat Islam pasti mempersiapkan juadah yang menjadi tradisi mereka terutamanya di utara Semenanjung Malaysia dan di negeri pantai timur iaitu ketupat palas. Ketupat palas sudah menjadi makanan utama masyarakat sempena hari raya.

Ketupat palas menjadi juadah wajib dihidangkan semasa hari raya puasa. Tidak dapat dinafikan lagi, ketupat palas menjadi hidangan kesukaan masyarakat. Ramai yang gemar memakan ketupat palas tetapi tidak tahu cara pembuatannya. Proses yang merumitkan itu menyebabkan masyarakat Melayu mengambil jalan mudah seperti menempah daripada mempelajari untuk membuatnya sendiri.

Ketupat palas yang berbentuk segi tiga dibalut dengan menggunakan daun palas. Ketupat palas sering menggunakan beras pulut susu dan beras pulut hitam. Bagi memenuhi citarasa masyarakat, ketupat palas telah dipelbagaikan dengan dicampur serunding daging dan kacang gajus.

Proses membalut ketupat adalah proses yang sukar. Ketupat palas mempunyai dua jantina iaitu ketupat jantan dan ketupat betina dan dapat dibezakan melalui balutan. Ketupat jantan mempunyai balutan yang kemas manakala ketupat betina pula kelihatan tidak kemas dan mudah dimasuki air ketika proses rebusan dan kukus.

Proses membuat ketupat agak rumit dan ramai generasi muda kini tidak tahu cara pembuatannya. Ketupat segera sering menjadi pilihan utama masyarakat pada masa ini. Ketupat palas yang telah dimodenkan iaitu menjadi ketupat segera yang dibalut dengan plastik dikatakan murah dan mudah cara penyediaannya. Oleh itu, kita dapat lihat kewujudan teknologi makanan seperti ketupat palas segera mula mendapat sambutan masyarakat dan tidak hairanlah suatu hari nanti ketupat palas yang merupakan makanan tradisi akan lenyap begitu sahaja.

Pengusaha kecil-kecilan, Norain Mat Saad 25, yang merupakan graduan lepasan Universiti Sains Malaysia (USM), kemahiran membuat ketupat adalah satu anugerah yang tidak ternilai baginya. Bersandarkan kebolehan yang ada, beliau mengambil tempahan ketupat palas setiap kali tiba musim perayaan. Beliau mengakui bahawa, setiap kali tiba hari raya, tempahan ketupat palas menjadi sumber utama pendapatannya.

"Setiap kali tiba hari raya terutamanya hari raya puasa, tempahan ketupat palas sangat banyak dan terpaksa ditolak kerana saya tidak mempunyai tenaga kerja yang banyak. Namun saya hanya mendapat tempahan ketika musim raya sahaja kerana pada hari biasa, saya tidak lagi mendapat tempahan", katanya.

Menurut Norain lagi, mempelajari cara membuat ketupat palas bukanlah satu usaha yang sia-sia dan tradisi membuat ketupat setiap kali menjelang hari raya harus diteruskan.

"Minat cara-cara membuat ketupat mula muncul ketika melihat ibu membalut ketupat setiap kali tiba musim raya dan saya belajar membuatnya walaupun pada ketika itu sering dimarahi oleh ibu kerana ketupat yang saya buat menjadi ketupat betina", katanya lagi.

Generasi baru haruslah belajar membuat ketupat palas ini sebelum amalan turun temurun masyarakat Melayu terkubur bersama mereka selama-lamanya. Jika ianya terus dibiarkan ketupat palas pasti menjadi makanan yang hampir dilupakan.



Ketupat palas sering dihidangkan bersama kari daging.

Siswa-siswi hidu bau busuk sampah

Siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) di Desasiswa Indah Kembara Blok L011, mengalami masalah bau busuk sampah sejak seminggu yang lalu disebabkan kerja mengangkut sampah tidak mengikut jadual yang ditetapkan.

Keadaan itu mengakibatkan timbul masalah bau busuk yang mengganggu ketenangan dan keselesaan penghuni desasiswa.

Akibat masalah mengangkut sampah yang lewat diangkut dan ditinggal menjadikan persekitaran di kawasan tong sampah bertambah kotor dan menyebabkan haiwan pembawa penyakit seperti lalat, lipas dan tikus mengerumuni sampah yang tidak diangkut tersebut.

Perkara ini membimbangkan penghuni desasiswa sekiranya dibiarkan berlarutan dikhuatiri akan menimbulkan masalah penyakit.

Penghuni desasiswa berkenaan kesal dengan pihak yang menguruskan pembuangan sisa pepejal itu kerana didapati cuai apabila membiarkan sampah yang tidak diangkut secepat mungkin.

Lebih mengecewakan penghuni desasiswa, sehingga kini tiada sebarang tindakan diambil oleh pihak pengurusan desasiswa walaupun sudah banyak kali aduan dikemukakan kepada Ketua Blok Desasiswa tersebut.

Menurut Ketua Blok Desasiswa Indah Kembara (DIK), Maizatul Mustapa, masalah sampah berbau busuk yang mengganggu ketenangan penghuni DIK sudah banyak beliau menerima aduan daripada penghuni desasiswa tersebut.

Beliau sudah membuat laporan mengenai masalah sampah sampah kepada pengurusan DIK namun setakat ini masih tidak langkah yang diambil untuk mengatasi masalah sampah tersebut.

“Saya sudah membuat laporan berdasarkan aduan penghuni mengenai masalah sampah yang berbau busuk, dan pihak pengurusan DIK memberitahu saya bahawa masalah tersebut berpunca daripada kelewatan mengangkut sampah kerana pekerja yang menguruskan sampah di DIK tidak mencukupi buat masa sekarang”, kata Maizatul.

Tinjauan Berita Kampus (BK) turut mendapati tong sampah di DIK itu dipenuhi dengan sampah-sarap yang tidak diangkut dan berselerak. Tong sampah besar yang disediakan tidak mencukupi untuk menampung jumlah sampah yang dibuang oleh penghuni kerana hanya satu tong besar sahaja yang disediakan. Apabila tong berkenaan sudah penuh, penghuni tidak mempunyai pilihan dan terpaksa membuang di sekitar tong sampah tersebut dan ia mewujudkan keadaan yang tidak menyenangkan.

Menurut penghuni DIK, Maisarah Zuki, keadaan sampah yang berbau busuk sungguh mengganggu ketenangan kerana bilik beliau berada bersebelah dengan tempat tong sampah itu diletakkan.

Sebelum ini, pekerja yang mengangkat sampah akan datang setiap hari untuk mengangkut sampah tersebut, namun sekarang sudah seminggu sampah tersebut terbiar sehingga menghasilkan bau yang tidak menyenangkan kepada beliau.

“Saya sudah tidak tahan dengan masalah bau busuk sampah kerana setiap kali keluar bilik saya terpaksa menutup hidung dan saya khuatir jika masalah sampah ini dibiarkan akan mengancam kesihatan penghuni desasiswa di sini, jadi saya berharap sangat agar masalah sampah ini dapat diselesaikan dengan segera supaya masalah yang dihadapi oleh DIK tidak lagi berterusan”, kata Maisarah Zuki ketika di temui.

SAKS teraju usahawan muda

Oleh **MUHAMMAD SHUKUR YUSOP**

Skim Asas Keusahawanan Siswa (SAKS) telah melahirkan usahawan muda berwawasan yang mampu membuka perniagaan semasa tempoh pengajian di Universiti Sains Malaysia (USM).

Keunikan program tersebut dapat dilihat menerusi penyertaan mereka yang ingin menimba ilmu keusahawanan dan memulakan perniagaan.

Penolong Pendaftar Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Sahsiah Pelajar (PPKSP), Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (BHEPA), Nurul Izzati Rozali berkata, mereka yang terlibat dalam SAKS diberi pendedahan ilmu keusahawanan dan jurulatih yang dilantik banyak menyerap corak pemikiran berorientasikan usahawan kepada peserta program.

Tambah beliau lagi, semangat dan minat diperlukan untuk terus maju dalam perniagaan.

Menurut peserta program, Nurul Syazwani Ab Gazali, Sains Kemasyarakatan 2, bidang keusahawanan wajib dipupuk dalam kalangan siswa-siswi.

“Jika diteliti kita masih kekurangan siswa-siswi menceburi diri dalam bidang keusahawanan kerana persepsi siswa-siswi yang dilatih untuk bekerja makan gaji”, katanya kepada Berita Kampus.

Tegasnya lagi, mereka tidak boleh menonjolkan kreativiti dan inovasi malahan bakat semulajadi terus dipendam selain bekerja sambil belajar banyak memberi ilmu yang selama ini tidak pernah diajar dalam kuliah.

Nurul Syazwani yang mengusahakan perniagaan Kiosk makanan iaitu burger di Desasiswa Indah Kembara berkata SAKS banyak membantu beliau dari segi komunikasi dan cara memulakan perniagaan di samping dapat berkenalan dengan pegawai PPKSP.

Desasiswa hanya terima notis serahan

Pengurusan Desasiswa Murni dan Nurani di Kampus Kesihatan hanya akan menerima notis serahan sahaja daripada syarikat penghantaran dan tidak lagi menerima bungkusan siswa-siswi bermula 5 Oktober lalu.

Menurut kenyataan rasmi yang dikeluarkan oleh kedua desasiswa tersebut, keputusan itu adalah untuk mengelakkan sebarang keciciran, kerosakan dan kehilangan barang yang mungkin berlaku ke atas bungkusan yang diterima di samping mengurangkan risiko staf desasiswa sebagai penerima bertanggunjawab penuh sekiranya berlaku sesuatu terhadap barang atau bungkusan siswa-siswi.

Menurut, mantan Yang Dipertua, Majlis Penghuni Desasiswa Murni (MPDM), Nur Farhanah Wahid berkata, Desasiswa Murni adalah desasiswa yang paling lewat menjalankan peraturan tersebut.

“Peraturan ini telah dilaksanakan oleh kesemua desasiswa di ketiga-tiga kampus USM dan Desasiswa Murni adalah desasiswa yang paling lewat menguatkuasakan dan melaksanakan peraturan tersebut”, kata Farhana.

“Siswa-siswi juga boleh menyemak senarai nama yang akan dilekatkan di papan kenyataan di luar pejabat desasiswa dari masa ke masa untuk mengambil notis serahan tersebut”, tambah Farhana lagi.

Atasi tekanan siswa-siswi USM

Tekanan dalam kalangan siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) yang tidak ditangani dengan betul akan mengundang masalah dan menjejaskan pembelajaran siswa-siswi itu sendiri.

Menurut pensyarah psikologi, Dr. Norzarina Mohd Zaharim, terdapat pelbagai cara untuk menangani tekanan terutamanya jika siswa-siswi mempunyai pelbagai tugasan yang terpaksa dilakukan dalam satu masa seperti menggunakan cara fokus masalah, fokus emosi dan sokongan sosial.

“Masalah boleh diatasi jika siswa-siwi itu boleh membuat jadual waktu sendiri atau bertanyakan pensyarah sekiranya tidak faham akan sesuatu topik atau tugasan yang diberi. Namun ada sesetengah orang yang memerlukan sokongan sosial yang mana mereka akan cuba mencari seseorang untuk meluahkan perasaan yang sedang mereka alami dan ini juga salah satu cara untuk mengurangkan tekanan”,ujarnya lagi.

Menurut Aliaa Diyana Marzuki, Pengurusan 4, untuk menghilangkan tekanan, beliau akan bercuti dengan rakan-rakan, menonton wayang, cuba mencari seseorang yang boleh beliau luahkan perasaan dan memasak.

Siswa-siswi bertanggungjawab jaga kebersihan bas . . .

Menurut penyelia operasi bas komuter Universiti Sains Malaysia (USM), Encik Ibrahim Abd Rahim, walaupun peletak amaran sudah diletak di dalam bas, siswa-siswi USM masih tidak membuang sampah ke dalam tong sampah yang disediakan dalam bas.

Tambahnya lagi, pelajar sering membuang sampah ke lantai, belakang tempat duduk, dan atas tempat duduk. Sampah sarap yang biasanya dijumpai ialah tisu, bekas minuman, dan bungkusan makanan.

“Sikap segelintir siswa-siswi yang tidak bertanggungjawab ini telah menyusahkan kami kerana kami perlu mengutip sampah untuk mereka. Kami terpaksa sering menyapu dan mambuang sampah supaya bas menjadi bersih”, ujar Ibrahim.

“Kami sudah kemukakan isu kebersihan bas ini semasa mesyuarat dengan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) USM tetapi masalah ini masih berlaku. Kami memang berharap siswa-siswi dapat bekerjasama dengan kami untuk menjaga kebersihan bas dan membuang sampah ke tempat yang sepatutnya”, jelasnya lagi.

. . . dan dewan kuliah

Sikap segelintir siswa-siswi yang suka membuang sampah dicelahan kerusi di dewan kuliah semakin menjadi-jadi.

Menurut Nur Aina Hashim, Sains Kemasyarakatan 3, keadaan tersebut bukan berlaku sekali sahaja tetapi setiap kali beliau menghadiri kuliah.

“Perkara ini seakan-akan telah menjadi tabiat siswa-siswi. Pernah sekali sewaktu saya sedang menunggu kuliah bermula, saya terkejut kerana tidak semena-mena ditegur secara tiba-tiba oleh tukang cuci sebelum ini kerana berasa kecewa dengan sikap mereka yang suka membuang sampah di celahan kerusi”, katanya.

Beliau juga menyatakan bahawa siswa-siswi seharusnya peka dengan isu kebersihan khususnya di dewan kuliah.

“Saranan saya supaya siswa-siswi dapat mengamalkan sikap lebih prihatin terhadap kebersihan kerana itu tanggungjawab kita semua. Bukan kawasan kampus sahaja perlu dijaga, tetapi dewan kuliah juga perlu dijaga kerana ia adalah tempat kita menimba ilmu. Jadi, sama-samalah kita memupuk kerjasama dan sikap bertanggungjawab dalam diri”, tegasnya.

Pimpin Siswa laksana kaedah baru

Program Pimpin Siswa Lestari (PPSL) mulai sidang 2015/2016 Universiti Sains Malaysia (USM) akan dilaksanakan menggunakan konsep *town hall* yang akan menerapkan elemen kelestarian, inovasi dan keusahawan melalui pelaksanaan projek.

Menurut Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni (HEPA), Prof. Dato' Dr. Adnan Hussein, selepas lima tahun Pimpin Siswa dilaksanakan, siswa-siswi mampu mencapai matlamat dalam memupuk semangat kelestarian, patriotism, kepimpinan dan nilai-nilai murni namun, semua itu jarang diaplikasikan dalam kehidupan selepas program tersebut.

"PPSL bermatlamat meningkatkan pemahaman siswa-siswi bukan sahaja dari segi kelestarian, inovasi dan keusahawan malah perlu diaplikasikan dalam kehidupan", ujar beliau.

Tambah Adnan, PPSL yang memberi latihan jangka panjang adalah lebih bermanfaat berbanding Pimpin Siswa sebelum ini.

Impaknya siswa-siswi mempunyai kebolehan untuk melaksanakan projek berunsur kelestarian, inovasi dan keusahawanan pada masa hadapan. Pertandingan akan dianjurkan untuk menguji tahap penguasaan siswa-siswi terhadap ketiga-tiga elemen tersebut.

Adnan turut menyatakan PPSL menghadapi cabaran kerana tidak ramai yang pakar dalam menjalankan program berkonsep town hall.

Oleh itu, bilangan jurulatih dan fasilitator mahir yang ramai diperlukan untuk memastikan PPSL dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Percubaan pelaksanaan program berkonsepkan town hall dijalankan dengan jayanya oleh Sekretariat Kampus Sejahtera semasa tragedi banjir kilat di Kelantan.

"Perbelanjaan untuk PPSL dijangka akan menurun sekurang-kurangnya separuh berbanding dengan perbelanjaan sebelum ini iaitu sebanyak RM1.2 juta", kata Adnan.

"PPSL akan dibahagikan kepada empat peringkat iaitu penglibatan peringkat pertama adalah wajib. Manakala, pada peringkat kedua, ketiga dan keempat pula melibatkan siswa-siswi terpilih sahaja. Walau bagaimanapun, PPSL peringkat kedua, ketiga dan keempat masih dalam proses perancangan", jelasnya lagi.

Baja kompos inisiatif lestari universiti

Sekretariat Kampus Sejahtera (SKS) Universiti Sains Malaysia (USM) mengaplikasikan konsep kelestarian dengan membina tapak baja kompos di perkarangan stor sukan Padang Minden.

"Tidak ramai siswa-siswi USM yang tahu kewujudan tapak kompos ini kerana penghasilan baja kompos memerlukan seseorang yang suka bermain dengan tanah dan cacing. Selain itu, projek baja kompos ini masih baru dan kurang pendedahan kepada siswa-siswi USM",ujur Ketua Kluster Zero Waste,Shamsuri Hashim.

"Setakat ini kita mempunyai 30 ahli di bawah Kluster Zero Waste. Bengkel mengenai baja kompos terbuka kepada SKS sahaja dan kami lebih tertumpu kepada sekolah menengah yang mempunyai tapak baja kompos dan cuba membimbing mereka mengendalikannya",ujurnya lagi.

Menurutnya lagi, SKS sedang dalam usaha memantapkan ilmu mereka mengenai baja kompos agar mampu berkongsi pengetahuan dan memupuk kesedaran kepada masyarakat.

Aktiviti yang telah SKS lakukan antaranya ialah membantu projek baja kompos yang telah dilakukan oleh pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Jambul dan yang lebih menarik pelajar yang menjalankan aktiviti ini terdiri daripada pelajar istimewa. Lebih banyak lagi aktiviti seperti ini yang akan dijalankan dalam masa terdekat agar baja kompos ini lebih dikenali oleh masyarakat.

Penghasilan baja kompos memerlukan seseorang yang suka bermain dengan tanah dan cacing

Adikarma bina kelebihan diri

Bengkel tarian Adikarma yang dijalankan pada setiap hari Selasa menawarkan mata MyCSD sekiranya kehadiran melebihi tiga kali.

Menurut Ketua Unit Tari Adikarma, Asma Nur Adilah Yusof, bengkel itu bertujuan mencari pelapis baru yang mempunyai bakat dan potensi dalam bidang tarian dan lakonan untuk mengekalkan legasi serta menaikkan nama Adikarma.

Beliau juga turut menyatakan bengkel itu bukan sahaja menumpukan kepada pelapis yang berbakat dalam tarian tradisional semata-mata tetapi mencari mereka yang mampu dalam menguruskan setiap pengurusan program yang dianjurkan Adikarma seperti Salam Adikarma.

"Bakat dan pencapaian seseorang yang aktif dalam bidang tarian dan lakonan sebenarnya memberi satu kelebihan pada diri sendiri untuk kerjaya masa hadapan. Bukan sahaja melalui Adikarma namun, apa sahaja penglibatan mereka sekiranya mereka aktif dan berani mencuba dalam setiap bidang yang diceburi pasti akan memberikan mereka sesuatu kelebihan", jelasnya lagi.

Asma juga berharap setiap pelapis yang dipilih akan memberi komitmen sepenuhnya dan terus membawa nama Adikarma di dalam luar negara.

Adikarma bawa budaya Malaysia ke Chiang Mai

Seramai 10 orang penari Adikarma Universiti Sains Malaysia (USM) telah menjadi wakil Malaysia untuk membuat persembahan di Chiang Mai Universiti Thailand dalam acara pembukaan dan penutupan '8th Thailand-Malaysia University Games 2015' yang berlangsung pada 18 hingga 22 September lalu.

Program ini adalah program kerjasama antara Thailand dengan Malaysia dan pada tahun ini Thailand sendiri menjadi tuan rumah.

Menurut Pegawai Kebudayaan Kanan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (BHEPA), Encik Zulkifli Che Hussin kebudayaan ialah program baru yang diwujudkan untuk pertukaran budaya antara dua buah negara,Malaysia dan Thailand.

"Program ini ialah program sukan antara universiti Malaysia dan Thailand yang berada di bawah kelolaan Kementerian Pelajaran Tinggi (KPT). Sukan yang dipertandingkan ialah badminton, bola sepak, bola tampar dan golf. Universiti Sains Malaysia (USM) telah dilantik sebagai sekretariat memandangkan pada tahun lepas USM sebagai tuan rumah", katanya.

Menurut Nadhir Rusli Badaruddin, Sains Fizik, 3, Penari Adikarma mereka bukan sahaja mempersembanhkan tarian kebudayaan tetapi turut mempelajari dan memahami tentang budaya serta tarian dinegara Thailand di tempat mereka sendiri.

"Saya seronok dapat mengenali rakan baru dan budaya baru di Thailand yang sangat menarik. Saya berbangga dapat mempersembahkan tarian tradisional Malaysia di negara luar" tambahnya lagi", jelasnya lagi.

Tarian pembukaan yang dipersembahkan oleh Adikarma ialah tarian tradisional yang 1Malaysia dan dikir 3D manakala tarian Gamelan, Zapin, Ayam Didik, Melanau, dan Joget Lambak sebagai tarian penutupan program ini.

Pusat Ko-kurikulum USM perkenal tarian Latin

Kelas pertama tarian Latin anjuran Pusat Ko-kurikulum Universiti Sains Malaysia (USM) telah bermula pada Isnin lalu, 28 September 2015 dengan seramai 39 orang peserta.

Menurut jurulatih tarian Latin, Loo Cherng Look, beliau akan mengajar tarian Cha Cha kerana ia salah satu daripada silibus dalam tarian latin.

Beliau turut menyatakan bahawa kewujudan tarian Latin dalam USM bertujuan untuk memperkenalkan tarian juga boleh dijadikan sebagai satu senaman selain daripada yoga dan aerobik dan tarian juga adalah suatu seni.

Tarian Latin sudah lama terkenal di luar negara. Namun, tarian tersebut tidak dipraktikkan secara meluas di Malaysia kerana bayaran untuk menghadiri satu kelas adalah sangat tinggi. Kebiasaannya, bayaran untuk seorang adalah sebab banyak RM120 sebulan, manakala bayaran ialah RM80.

"Oleh itu, Pusat Ko-kurikulum USM membuka peluang kepada siswa-siswi mengenali tarian Latin tanpa sebarang bayaran", katanya lagi.



BERSUNGGUH... Jurulatih tarian Cha Cha menunjukkan pergerakan tarian secara berpasangan kepada peserta tarian Latin di Pusat Ko-kurikulum USM baru-baru ini.

Loo yang mempunyai pengalaman selama 7 tahun dalam bidang tarian ini mengakui bahawa tidak ramai orang Melayu yang melibatkan diri dalam tarian Latin. Namun, apabila tarian ini diperkenalkan di USM, penglibatan siswi Melayu di luar jangkaannya.

Selain dari Loo, terdapat dua orang jurulatih lain yang turut mengajar tarian ini, iaitu Prof. Chan Ngai Weng dan Ivy Yeoh.

"Dalam tarian Cha Cha terdapat 15 silibus dan saya hanya mengajar tiga silibus sahaja sebagai pengenalan dan asas-asas tarian", kata Loo lagi.

SUKSIS USM rekrut pelatih baru

Seramai 70 orang siswa-siswi tahun satu telah terpilih menjadi anggota baru Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (SUKSIS) Universiti Sains Malaysia (USM) setelah melalui pelbagai sesi pemilihan.

Anggota baru yang telah terpilih perlu melalui beberapa fasa untuk melayakkan mereka diterima masuk. Antaranya, pemeriksaan fizikal, Ujian Kecergasan Individu (UKI), dan temuduga.

Dalam fasa pemeriksaan fizikal dan UKI, calon perlu melepasi tahap kecergasan dan fizikal yang telah ditetapkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) seperti mempunyai tinggi minimum 163 sentimeter untuk lelaki dan 157 sentimeter untuk wanita dan perlu melepasi ujian larian 2.4 kilometer dalam masa 16 minit.

Bagi sesi temuduga, panel penemuduga yang dipengerusikan oleh Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (Perancangan Strategi) Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pulau Pinang, Asisten Komisioner Polis Mohamad Fauzi Abdul Rahim disertai oleh Timbalan Komandan SUKSIS, Superitenden Polis/Kor Suksis Dr. Nazarudin Zainun dan pegawai penyelaras SUKSIS, Asisten Superitenden Polis (ASP) Azmi Shukur.

Menurut ASP Azmi Shukur, SUKSIS menjadi pilihan siswa-siswi adalah kerana peluang pekerjaan yang terbuka luas berikutan pelatih yang menamatkan latihan selama tiga tahun akan diserap ke jawatan inspektor tetap jika menepati syarat pengambilan.

"Seramai 39 orang bekas pelatih SUKSIS telah diserapkan ke jawatan kadet inspektor dan pengambilan ini akan diteruskan kerana mereka telah mendapat pendedahan awal mengenai dunia kepolisan, " tambahnya lagi.

Kor SUKSIS USM pada masa sekarang mempunyai pelatih seramai 208 orang terdiri daripada 69 orang pelatih senior, 69 orang intermediate dan 70 orang junior dari tahun satu.

Dari Malaysia ke Thailand, *So THA!STY* tawaran kelainan

Dengan hanya bermodalkan RM1,200, jenama So THA!STY bermula sebagai sebuah gerai kecil yang menjual teh ais Thai berhadapan Masjid Al-Malik Khalid, Universiti Sains Malaysia (USM).

"Di situlah kali pertama So THA!STY diperkenalkan kepada orang ramai. Sejujurnya, banyak cabaran yang telah ditempuhi untuk sampai ke tahap ini," luah pengasas minuman So THA!STY, Nur Ashwani Jalani.

Bagi mereka yang tidak tahu, So THA!STY ialah suatu perusahaan minuman teh ais Thailand yang dimulakan oleh Ashwani bersama suaminya Encik Muhammad Zuhilmi Nordin kira-kira 6 bulan lepas.

"Idea untuk memulakan perusahaan ini tercetus pada bulan Disember tahun lepas, sewaktu kami bercuti di Krabi. Waktu itu, kami berada di kawasan pelancongan, didapati ramai orang berbaris untuk mendapatkan minuman itu," katanya.

Menurut Ashwani, pada masa itu, dirinya tidak tahu ia adalah teh ais Thai dengan andaian bahawa ia sekadar teh hijau biasa, jadi dia tidak begitu faham mengapa minuman itu menjadi kegilaan ramai.

"Hanya beberapa bulan kemudian, baru saya mencubanya sendiri. Saya menyuruh rakan saya yang ketika itu berada di Bangkok untuk tolong cari maklumat berkenaan minuman ini dan mengapa ianya begitu digemari di sana. Saya minta dia bawa balik, dan di saat itulah, saya mencubanya buat kali pertama," sambungnya.

Berlatarbelakangkan bidang kulinari, Ashwani menyatakan bahawa ilmu dan kemahiran yang mereka miliki sangat membantu mereka dalam membangunkan perisa mereka tersendiri.

"Saya test market dengan rakan-rakan terlebih dahulu untuk mendapatkan pendapat mereka. Bila mereka cakap sedap, baru saya dan suami memutuskan untuk membawa konsep minuman ini masuk ke Malaysia," jelasnya.

Bagi mewujudkan pengalaman serta mengukir rasa teh ais Thai yang asli, lebih daripada 90% barangan So THA!STY seperti serbuk teh dan cawan telah diimport dari Thailand.

"Kami membawa masuk konsep sahaja. Dari segi rasa, kami cuba mengolah mengikut citarasa sendiri tanpa meniru rasa, perisa dan bahan-bahan yang digunakan dalam teh ais Thai asli," terangnya.

"Apa yang membezakan So THA!STY daripada minuman Thai yang berkonsepkan sama adalah dari segi rasa dan ramuannya. Saya cuba menghasilkan sesuatu yang lebih baik dari apa yang saya rasa di Thailand dengan memperkenalkan perisa-perisa yang susah untuk masyarakat Malaysia dapat. Itu yang ingin saya berikan kepada orang ramai," terangnya lagi.

Hari ini, So THA!STY semakin dikenali umum hasil buah mulut siswa-siswi USM.

"Kami sangat berterima kasih kepada siswa-siswi USM kerana merekalah yang telah menaikkan nama kami," luahnya.

"Asalnya, kami berniaga di masjid USM. Dari situ, kami menerima banyak tawaran berniaga daripada siswa-siswi, meminta kami untuk jual di pusat pengajian mereka. Kami pernah menjual beberapa kali di Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan dan sambutan yang diterima cukup menggalakkan," ujarnya.

Sambutan yang tidak putus-putus telah mendorong Ashwani dan suaminya untuk menubuhkan sebuah kiosk di bawah nama So THA!STY yang terletak di No. 1, Jalan Lintang Mayang Pasir 4, Bandar Bayan Baru, 11950 Bayan Lepas, Pulau Pinang.

Bermula dengan hanya 4 perisa asal iaitu thai green tea, thai milk tea, thai ovaltine dan thai iced coffee, orang ramai kini boleh mencuba perisa-perisa lain seperti bandung, keladi, kurma, pisang dan yang paling terbaru, kelapa dengan harga RM5 sahaja.

Di samping itu, mereka juga boleh meminta aiskrim yang terdiri daripada pelbagai perisa dengan hanya caj tambahan RM1.50.

"Aiskrim yang kami gunakan adalah daripada kualiti yang baik iaitu jenama Magnolia. Ada beberapa perisa yang kami tawarkan antaranya coklat, strawberi, tutti frutti dan raspberry," katanya.

Apa yang membezakan So THA!STY daripada minuman Thai yang berkonsepkan sama adalah dari segi rasa dan ramuannya. Saya cuba menghasilkan sesuatu yang lebih baik dari apa yang saya rasa di Thailand dengan memperkenalkan perisa-perisa yang susah untuk masyarakat Malaysia dapat. Itu yang ingin saya berikan kepada orang ramai

Perniagaan atas talian mampu sara hidup

Perniagaan atas talian kini dilihat menjadi pilihan siswa-siswi untuk menjana keuntungan kerana tidak memerlukan modal yang besar sekaligus membolehkan siswa-siswi mengasah bakat dalam dunia perniagaan.

Menurut Nurul Husna Aminuddin, Ilmu Kemanusiaan 2, perniagaan atas talian ini adalah langkah awal siswa-siswi untuk menceburi bidang ini kerana boleh mengasah kemahiran dan memupuk budaya keusahawanan dalam diri. Beliau juga menyatakan bahawa siswa-siswi boleh menjana pendapatan tanpa memerlukan modal yang banyak. Waktu perniagaan boleh disesuaikan mengikut kelapangan jadual siswa-siswi tanpa mengganggu waktu pembelajaran. Oleh itu, siswa-siswi mampu mengimbangi kedua-dua komitmen sama ada dalam pelajaran dan juga perniagaan.

Menurut Nur Izwani Samsuddin, Ilmu Kemanusiaan 4, tiada modal tinggi dan takut mengalami kerugian adalah antara halangan yang dihadapi siswa-siswi yang berminat menceburkan diri dalam dunia perniagaan. Namun sebaliknya, ia dilihat memberi pulangan yang lumayan sekaligus boleh membantu siswa-siswi menampung perbelanjaan di universiti.

"Saya mula aktif menjalankan perniagaan atas talian sejak awal tahun 2015. Sudah lama saya ingin menceburi bidang ini tetapi tiada modal dan takut mengalami kerugian dan kegagalan. Namun, saya beranikan diri dan mencuba perniagaan atas talian sebagai langkah pertama selepas diizinkan keluarga. Saya kini menjadi dropship untuk beberapa produk kecantikan terpilih. Pendapatan daripada perniagaan atas talian ini saya gunakan untuk menampung perbelanjaan diri. Walaupun hanya sebagai pendapatan sampingan, bagi saya ianya cukup lumayan kerana mampu membantu saya di saat kekurangan wang", jelas Nur Izwani Shamsudin.

Peruntukan PTPTN kepada siswa-siswi

Oleh **JASY BONG YI JAN**

Seramai 1,980 siswa-siswi berjaya mendapat pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) pada tahun ini.

Menurut Penolong Pendaftar Kanan, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Sains Malaysia (USM), Moganeswary Muthusamy, tahun ini lebih 3,000 siswa-siswi yang memohon pinjaman PTPTN. Sebenarnya, bilangan siswa-siswi sama ada ia meningkat atau menurun dalam mendapat pinjaman PTPTN adalah tertakluk kepada jumlah siswa-siswi yang memohon.

"Siswa-siswi akan mendapat pinjaman penuh PTPTN sekiranya ibu atau bapa, penjaga atau siswa sendiri mendapat Bantuan Rakyat Satu Malaysia (BR1M). Siswa-siswi akan menerima pinjaman sebanyak 75% sekiranya campuran gaji penjaga satu dan penjaga dua tidak melebihi RM8,000 dan penjaga atau siswa sendiri bukan penerima BRIM. Manakala siswa-siswi hanya akan mendapat pinjaman separuh sekiranya campuran gaji penjaga satu dan penjaga dua melebihi RM8,000", kata Moganeswary.

Siswa-siswi tidak akan mendapat pinjaman PTPTN sekiranya tahun pengajian mereka tidak melebihi satu tahun atau melanjutkan pelajaran dalam peringkat pengajian yang sama.

Tambah Moganeswary lagi, peminjam PTPTN yang tidak membayar balik atau membuat bayaran yang tidak konsisten membawa kesan kepada pemohon PTPTN. Ini kerana peminjam yang tidak membayar balik akan mengakibatkan dana menurun dan seterusnya menyebabkan jumlah pinjaman yang diluluskan menurun.

"Sebelum ini, peminjam yang dapat pinjaman penuh tidak semestinya seorang yang menerima BR1M. Pinjaman penuh akan diberi sekiranya pendapatan penjaga kurang daripada RM4,000. Sebelum ini, siswa-siswi yang mengikuti bidang sains atau sastera akan menerima pinjaman sebanyak RM3,200 hingga RM3,500 bagi satu semester, tetapi sekarang mereka hanya mendapat pinjaman sebanyak RM3,000 hingga RM3,200 bagi satu semester", tambah Moganeswary lagi.

Celebrating Mid-Autumn Festival away from home



SMILING FACES… A participant happily painting her can lantern in different colours as her friend looks on prior to lighting it up afterwards.

Sekretariat Kebudayaan dan Kesenian Tionghua Universiti Sains Malaysia (SKKT USM) had organised an event called Friends Gathering (Peng You De Ju Hui) that allow student to design their own can lanterns in conjunction with the Mid-Autumn Festival.

According to the project director, Chua Chee Keong, the event is open for all; especially for those who wanted to celebrate the festival but were unable to go back to their hometown.

"This event was held in order to celebrate the Mid-Autumn Festival the traditional way, that is with carrying lanterns – we used cans as lanterns in order to promote sustainability", said Chua.

The rain did not dampen the atmosphere as more than 50 participants turned up and each of them were given an empty can, three candles and a traditional Chinese biscuit.

Participants were then given time to paint their own lantern prior to walking around the campus with their lit up lanterns and was then followed by a sharing session afterwards.

"I wanted to go back to my hometown to celebrate with my family, but then I don't have the time to go back and seeing that there is an event, I planned to participate", said Toh Sin Guang, Biological Sciences 2.

"Besides this event, there will also be carnival and cultural night filled with activities such as food fair, games and performances from 9-10 October 2015 in conjunction with Mid-Autumn Festival at Padang Kawad USM here and the entrance is free," adds Chua.

HAAK teruskan acara tahunan

Himpunan Anak-Anak Kelantan (HAAK) Universiti Sains Malaysia (USM) sekali lagi berjaya menyediakan bas untuk membawa siswa-siswi USM pulang ke Kelantan sempena Hari Raya Aidiladha tahun ini berikutan penyediaan bas yang terhad oleh pengendali bas ekspres di Terminal Bas Sungai Nibong dan Penang Sentral di Butterworth.

Pengarah projek Bas Balik Kampung Raya Haji, Mohd Amirrudin Shafiei berkata, HAAK telah menyediakan tujuh buah bas ke Kelantan, manakala enam buah bagi membawa pulang semula ke USM. Harga yang dikenakan hanyalah RM40 sehala dan siswa-siswi akan dihantar ke daerah masing-masing seperti di Tanah Merah, Jeli, Pasir Putih dan Kubang Kerian.

"Pada awalnya, kami hanya menyediakan 5 buah bas ke Kelantan tetapi terpaksa menambah bilangan bas kepada 7 buah berikutan mendapat permintaan yang tinggi. Bas yang disewa adalah dari Jabatan Pembangunan USM dan sebuah bas dari syarikat luar, " ujarnya lagi.

Pergerakan pulang ke kampung bagi tahun ini telah dipecahkan kepada dua fasa iaitu melibatkan sebuah bas pada 22 September dan enam buah lagi pada 23 September. Pergerakan pulang ke USM pula melibatkan enam buah bas pada 27 September dan siswa-siswi perlu menunggu bas di beberapa tempat yang telah ditetapkan mengikut daerah masing-masing.

Kekurangan bas ekspres bagi laluan Kelantan telah berlaku sejak dahulu lagi dan ini telah menyebabkan HAAK USM telah mengambil inisiatif untuk menjadikan program penyediaan bas untuk pulang ke kampung sebagai acara tahunan persatuan.

Hari Raya Aidiladha di USM-KLE disambut meriah

Oleh **RUZIATUN AMIRAH ISMAIL**

Pada 25 September 2015, umat Islam di India telah meraikan sambutan Hari Raya Aidiladha.

Siswa-siswi yang menuntut Program Perubatan Antarabangsa di Universiti Sains Malaysia (USM) - Karnatak Lingayat Education (KLE) , Belgaum, India menyambut Aidiladha dengan meriah walaupun agak terkilan tidak bersama keluarga tersayang.

Menurut wakil siswa-siswi USM-KLE, Mohamad Mursyid Mukmin Mohd Yasir, walaupun mereka berasa meriah meraikan Aidiladha bersama kawan-kawan, tetapi tetap terasa terkilan kerana tidak dapat beraya bersama keluarga.

Suasana dan makanan antara Malaysia dan India sudah semestinya berbeza. Mereka menunaikan solat Aidiladha di halaman kampus sahaja.

"Khutbah dibaca oleh salah seorang siswa yang menjadi imam ketika solat Aidiladha. Selesai sahaja solat Aidiladha, kami menjamu selera beramai-ramai di halaman kampus sambil diiringi persembahan nasyid", jelas Mursyid, pelajar tahun akhir di USM-KLE.

Tambah Mursyid lagi, nilai bagi haiwan korban di India lebih murah berbanding di Malaysia.

"Ia merupakan satu kerugian jika tidak mengorbankan di sini. Nilai yang rendah memberi kemampuan kepada siswa-siswi di sini untuk menjalankan ibadah korban", jelas beliau.

"Umum mengetahui bahawa lembu ialah isu sensitif di India. Lembu merupakan haiwan suci bagi orang beragama Hindu di sana. Penyembelihan akan dilakukan di dalam khemah yang disediakan. Jika orang tempatan melihat perbuatan menyembelih lembu, mereka akan membuat laporan dan aduan kepada pihak universiti kerana tidak menghormati mereka",jelas Mursyid lagi.

Turut bersama mereka menunaikan solat Aidiladha ialah Timbalan Dekan Program Perubatan Antarabangsa, Belgaum India, Profesor Dr Kamarudin Jaalam.

Lihat halaman 19 untuk foto esei.

Ia merupakan satu kerugian jika tidak mengorbankan di sini. Nilai yang rendah memberi kemampuan kepada siswa-siswi di sini untuk menjalankan ibadah korban

Ibadah korban meriah di bumi Minden

Sambutan perayaan Aidiladha berlangsung dengan meriah dengan mengorbankan 15 ekor lembu dan 15 ekor kambing bertempat di perkarangan Masjid Al-Malik Khalid, Universiti Sains Malaysia (USM) tahun ini.

Pengarah Pusat Islam USM, Prof Dato' Muhammad Idiris Salleh berkata Pusat Islam membuka peluang kepada warga USM untuk turut serta dalam ibadah korban. Pembahagian bagi seekor lembu untuk 7 bahagian adalah RM570.

"Ibadah korban ialah kelangsungan pengorbanan Nabi Ibrahim yang mengorbankan Nabi Ismail dan Allah gantikan pengorbanan tersebut dengan kibas. Ibadah korban juga merupakan simbolik pengorbanan kita untuk membelanjakan harta dalam pelbagai bentuk", jelas Idiris.

"Siswa-siswi perlu dididedahkan dengan aktiviti kesukarelawanan dan melihat sendiri suasana ibadah korban yang dijalankan kerana dapat mendedahkan erti sebenar pengorbanan dengan lebih mendalam", tambah beliau.

Exco Tarbiyah dan Kepimpinan, Persatuan Mahasiswa Islam (PMI) USM, Mohd Tarmizi Che Hasan menyatakan bahawa korban adalah satu istilah yang sinonim dengan pengorbanan daripada pelbagai aspek dan sebagai siswa-siswi banyak cara boleh dijalankan untuk meningkatkan tahap pengorbanan korban seperti menjadi sukarelawan.

Masjid Al Malik Khalid semarak sambutan Aidiladha

Ribuan umat Islam hadir menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Al-Malik Khalid, Universiti Sains Malaysia (USM) yang diimamkan oleh Imam Besar dua Masjid, Ustaz Zayd Zhari.

Turut hadir, Naib Canselor USM Prof Dato' Dr Omar Osman dan isteri Datin Noraizan Jamaludin.

Beliau sempat beramah mesra dengan jemaah yang hadir dan menyeru warga kampus untuk menilai erti pengorbanan yang sebenar dalam kehidupan serta bekerja dengan ikhlas demi masa depan yang cemerlang.

"Marilah kita menanam semangat Aidiladha dalam diri untuk berkhidmat kepada ummah dan menyemarakkan lagi rumah Allah S.W.T.", kata Omar.

Khutbah berjudul Pengorbanan dan Terkorban disampaikan oleh Imam Besar Masjid Al-Malik Khalid, Tn Hj Mohd Zamrus Hj Mohd Ali telah menyentuh berkenaan pengorbanan yang dilakukan kerana Allah serta nikmat Aidiladha.

Khutbah turut merakamkan takziah ke atas keluarga Jemaah haji yang terlibat dengan tragedi runtuhan kren di Masjidil Haram, Arab Saudi.

Selesai solat sunat Aidiladha, jemaah yang hadir turut serta dalam proses korban yang berlangsung di perkarangan Masjid Al-Malik Khalid USM.

Sebanyak 15 ekor lembu dan 15 ekor kambing dikorbankan pada Aidiladha kali ini.

ISU SEMASA

Oleh **DEBRA WONG SER LIN, NURHABIBAH NORDIN, SITI FASRIANA SHAARI, HAFIZ ADISMAN** dan **NG XIANG YI**

Vape: Pengganti atau penaik ketagihan rokok?

Vaping merupakan trend baru dalam kalangan perokok, dan kini menjadi alat pengganti rokok yang terhangat di Malaysia. Dengan memegang sejenis alat elektronik yang direka mirip rokok sebenar, pengguna boleh menghembuskan awan wap yang bebas daripada asap rokok tradisional – kandungannya hanyalah air wap, nikotin, dan pilihan perisa yang disukai.

APA ITU VAPE?

Vape, yang juga dikenali sebagai rokok elektronik (e-rokok) dipasarkan sebagai pengganti rokok, seperti tampalan nikotin atau pil nikotin, untuk menghentikan tabiat merokok secara beransur-ansur dan juga mengurangkan risiko kesihatan yang dikaitkan dengan rokok tradisional.

Menurut satu ulasan yang diterbitkan oleh Utusan Online, apabila pengguna menghisap e-rokok ini, alat pemanas akan diaktifkan dan menyebabkan cecair di dalam penakung ini mengalami proses pengewapan tanpa sebarang proses pembakaran.

Kandungan cecair ini, yang dikenali sebagai e-liquid atau e-juice kepada pengguna vape, terdiri daripada air, propanol glycol (PG), minyak sayur, perasa, pemanis dan juga nikotin.

LEBIH JIMAT?

Menurut sebuah laporan yang diterbitkan dalam Malaysian Digest, pengguna vape di seluruh dunia diberikan banyak pilihan jenama dan alat untuk vape, dan e-rokok tersebut berharga antara RM68 (produk buatan China) sehinggalah ke RM960 (jenama Amerika Syarikat) sebatang. Alat vaping yang dianggap berkualiti tinggi akan memakan perbelanjaan sebanyak RM400 dan ke atas. Kos cecair vape pula, botol 10ml berharga RM15 dan boleh bertahan untuk sehari ataupun dua hari, manakala botol 30ml berharga antara RM60-RM100 dan boleh bertahan selama dua minggu.

Harga rokok biasa di pasaran adalah RM 13 sekotak. Perokok membelanjakan RM 91 untuk seminggu. Bagi vape pula, harga cecairnya adalah RM 60 dan mampu bertahan selama dua minggu. Hal ini menunjukkan pengguna vape mampu menjimatkan RM 62 berbanding rokok biasa. Walaupun harga alat vape tersebut tinggi, jika ia digunakan untuk tempoh masa yang lama, vape sememangnya satu alternatif yang lebih menjimatkan.

KESAN ASAP VAPE KEPADA KESIHATAN

Vape dipasarkan sebagai pengganti rokok yang mengekalkan nikotin tanpa kesan-kesan sampingan yang wujud akibat penggunaan bahan-bahan kimia lain yang terdapat di dalam rokok tradisional. Jika ada, peratusannya adalah sangat sedikit – dan hal ini hampir dibuktikan pada permulaan kajian US Doctor for Africa (USDFA) pada tahun 2009, yang mendapati bahawa agen penyakit kanser yang ada dalam asap rokok tidak wujud dalam rokok elektronik.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2012, dua eksperimen telah dijalankan untuk mengkaji perbandingan antara hembusan asap rokok dengan vape. Hasil kajian mendapati bahawa kandungan kimia dalam wap yang dihembus oleh pengguna vape telah mencapai had bahaya bagi manusia dewasa dan mendatangkan risiko kanser.

Namun, menurut kajian lain yang dilakukan oleh USDFA, vape juga dikatakan selamat digunakan dan tidak memberi kesan kepada paru-paru. Hal ini disebabkan kandungan dalam e-liquid adalah bahan yang diwapkan dan masuk ke dalam paru-paru. Bahan-bahan tersebut mirip bahan yang digunakan dalam inhaler yang digunakan untuk pesakit asma atau masalah pernafasan akut. Ini membuktikan bahan dalam e-liquid selamat disedut walaupun kepada pesakit yang mengalami masalah pernafasan.

USDFA juga telah menjalankan kajian terhadap tikus dan monyet yang didedahkan kepada udara yang tepu dengan wap PG selama 18 bulan (1 setengah tahun). Hasilnya, tiada kesan tidak normal terhadap paru-paru selepas autopsi dilakukan. Hasil kajian juga mendapati bahawa kualiti pernafasan menurun terhadap kumpulan perokok dan bukan perokok, namun tiada perubahan ketara pada kumpulan yang menghadapi penyakit pernafasan seperti lelah dan asma.

Salah satu kelebihan vape adalah perisanya yang pelbagai. Pengguna mampu memilih perisa kesukaan mereka, malah ada yang mencampurkan dua atau lebih perisa untuk mendapatkan rasa yang unik.

Namun, perisa ini juga adalah antara bahan yang diragui tahap keselamatannya. The Flavor and Extract Manufacturer Association (FEMA) telah menilai tahap keselamatan bahan kimia dalam perisa makanan yang kebanyakannya turut digunakan dalam penghasilan perisa vape.

Walau bagaimanapun, hal ini tidak membawa maksud bahan kimia tersebut selamat untuk digunakan dalam industri vape kerana penilaian yang dibuat oleh FEMA adalah untuk makanan yang melalui proses pencernaan, dan tidak seperti vape yang melibatkan wap yang disedut terus ke dalam paru-paru.

Contoh bahan yang mendatangkan kesan buruk kepada pengguna ialah diacetyl. Diacetyl adalah bahan kimia yang memberi rasa lemak atau berkrim. Penggunaannya dalam penghasilan makanan disahkan selamat oleh FEMA dan Food and Drug Administration (FDA) Amerika Syarikat. Namun, ia mampu menyebabkan penyakit acute on-set bronchiolitis obliterans apabila disedut secara terus. Penyakit ini telah dikesan terhadap pekerja yang bekerja di bahagian penghasilan bertih jagung berperisa mentega yang ruang udara persekitaran tempat kerjanya mengandungi diacetyl. Tambahan lagi, hasil kajian yang dilakukan oleh Dr. Fersalinos dan rakan-rakannya mendapati daripada 159 sampel e-liquid yang diperoleh dari tujuh negara,74.2% daripadanya mengandungi diacetyl dan acetyl propionyl. Hal ini menunjukkan banyak perisa vape menggunakan bahan kimia merbahaya ini.

MENJANA PENDAPATAN DENGAN MENJUAL VAPE

Terdapat golongan yang bijak mengambil kesempatan menjana pendapatan mereka melalui populariti budaya vaping di Malaysia untuk menjana pendapatan mereka. Baik di kedai mahupun di dalam talian, rata-rata peniaga vape ini tetap mempunyai pelanggan mereka sendiri, apatah lagi jika servis dan kualiti yang diberikan adalah baik.

Cuba anda bayangkan, harga sebotol perisa di dalam pasaran kini berharga antara RM 15-RM 100 bergantung pada kuantiti, itu belum lagi termasuk komponen utama lain seperti mod, bateri, tank dan charger yang mempunyai harga yang berbeza mengikut kehendak dan kemampuan pelanggan.

Malah, melalui sesi temu bual yang dijalankan di sebuah kedai vape di Sungai Dua, Pulau Pinang mendapati bahawa peniaga vape mampu menjana keuntungan RM4,000 hingga ke RM6,000 dalam masa seminggu.

Pada awal September 2015 yang lalu juga telah heboh diperkatakan di laman sesawang Youtube seorang lelaki Malaysia yang membeli satu set vape, dipercayai keluaran khas melalui pembidaan di Kuala Lumpur dengan harga RM17,000 - satu jumlah yang sangat tinggi untuk satu set vape kecil, yang memberikan keuntungan yang lumayan kepada peniaga vape.

Atas alasan apakah membuatkan seseorang sanggup membelanjakan sejumlah wang yang besar untuk satu set vape? Adakah kerana ia menjadi lambang status? Hal ini kerana alat vape ini sememangnya mahal di pasaran walaupun ada yang menyatakan ia lebih berbaloi jika dibandingkan dengan rokok konvensional.

Namun, vape perlu digunakan untuk tempoh yang lama. Bayangkan jika terdapat penemuan yang menyatakan vape sememangnya membahayakan untuk kesihatan manusia. Pengguna perlu menanggung kerugian yang tinggi.

WASPADA MEMBUAT KEPUTUSAN

Pada masa ini, posisi undang-undang dan himpunan bukti kesihatan masih kurang kukuh untuk menyatakan dengan jelas sama ada vape berbahaya kepada kesihatan ataupun tidak. Di dalam dan juga di luar negara, syarikat-syarikat vape telah mengambil langkah terdahulu untuk memasarkan vape kepada pasaran umum, dan autoriti kesihatan nampaknya lambat untuk memberikan respons yang definitif. Oleh itu, pengguna haruslah menggunakan kebijaksanaan sendiri untuk menilai keberkesanan vape sebagai pengganti rokok, atau sesuatu yang memudaratkan mereka dan menambahkan lagi pergantungan mereka kepada nikotin.

Walau bagaimanapun, terdapat negara yang telah mengambil tindakan yang agresif terhadap isu vape ini. Singapura antaranya dengan jelas mengharamkan import, pengedaran, penjualan atau tawaran menjual sebarang produk yang menyerupai produk tembakau di bawah Seksyen 16(1). Vape adalah salah satu prototaip Electronic Nicotine Delivery Systems (ENDS) yang menyerupai produk tembakau dan ia diharamkan di Singapura. Pesalah akan dikenakan tindakan sehingga $5,000 jika disabitkan bersalah. Pelaksanaan undang-undang ini telah dikuatkuasakan oleh Health Sciences Authority (HSA).

HSA telah keluar dengan kenyataan yang menyokong tindakan mereka mengharamkan rokok elektronik. Salah satu kesan vape atau rokok elektronik ini ialah wap halus yang dihasilkan mengandungi 10 bahan kimia yang wujud dalam senarai 65 bahan kimia yang menyebabkan kanser, kecacatan kelahiran atau masalah peranakan yang lain. HSA turut memuatkan kenyataan World Heath Organization (WHO) yang tidak menyokong rokok elektronik sebagai terapi mengurangkan ketagihan kerana kurang bukti saintifik.

Oleh itu, agensi kerajaan Malaysia seperti Kementerian Kesihatan Malaysia sepatutnya bertindak lebih agresif mengenai isu ini bertepatan dengan objektif kementerian untuk membantu seseorang individu untuk mencapai dan mengekalkan satu taraf kesihatan bagi membolehkannya menjalankan kehidupan ekonomi dan sosial yang produktif. Singapura boleh dijadikan contoh.

Jika Malaysia mempunyai pandangan yang berbeza ataupun sama dengan Singapura, kenyataan rasmi yang komprehensif perlu disertakan untuk mengelakkan salah faham.

Setakat ini, tiada undang-undang khusus mengenai penggunaan vape yang diwartakan di Malaysia dan penjualan vape juga tidak dikawal seperti penjualan rokok. Namun begitu, terdapat kenyataan tidak rasmi oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia yang menyatakan bahawa penggunaan vape adalah haram iaitu "… maka kami berpendapat bahawa penggunaan rokok elektronik juga hukumnya adalah haram. Ini kerana seperti yang kami 'illahkan atau nyatakan sebab terhadap hukum merokok terpakai untuk isu rokok elektronik ini…". Vaping diharamkan kerana ia memudaratkan kesihatan sama seperti rokok biasa.

Ada pendapat yang menyatakan terlalu awal untuk menghukum penggunaan vape. Ini adalah kerana vape mempunyai kesan positif yang dikatakan dapat menggantikan rokok yang jelas kemudaratannya. Namun, kesan negatif penggunaan vape tidak seharusnya dilihat dengan sebelah mata. Dalam ketidakpastian ini, pengguna perlu bijak dan rasional dalam membuat keputusan. Kesihatan perlu dijadikan keutamaan kerana mengelak lebih baik daripada mengubati.

RUJUKAN

- Barrington-Trimis, J. L.(2014), Flavoring in Electronic Cigarettes: An Unrecognized Respiratory Heath Hazard?, American Medical Assosiation.
- Electronic addiction: Facts about Electronic Nicotine Delivery Systems. Dicapai Oktober 3, 2015, daripada http://www.hpb.gov.sg/HOPPortal/health-article/674
- Fersalinos KE (2014), Evaluation of electronic cigarette liquids and aerosol for the presence of selected inhalation toxins, Oxford University Press.
- Lelaki Beli Vape RM17K Dan Jual Helmet RM47K Bukan Calang-calang Orang. (2015, September 11). Dicapai Oktober 2, 2015, daripada http://www.blogmazeer.com/2015/09/lelaki-beli-vape-rm17k-dan-jual-helmet.html
- Lawrence O. (2014). E-cigarettes, Vaping and Youth, American Medical Assciation.
- Mushamir Mustafa. (2015, Ogos 12). The Rise Of Vaping – Is It Really A Substitute For Smoking Cigarettes? Dicapai Oktober 2, 2015, daripada http://www.malaysiandigest.com/features/565162-the-rise-of-vaping-is-it-really-a-substitute-for-smoking-cigarettes.html
- Nursyamimi Saidi. (2015, September 1). Cetus budaya tidak sihat? Dicapai Oktober 2, 2015, daripada http://www.utusan.com.my/gaya-hidup/kesihatan/cetus-budaya-tidak-sihat-1.130461
- 'Panic over e-cigarettes can harm more than help' - The Local. (2013, Ogos 30). Dicapai Oktober 2, 2015, daripada http://www.thelocal.fr/20130830/e-cigarette-warning-could-have-an-adverse-effect-on-health
- Parlimen Belia Bakal Usul Desak Kerajaan Perhalusi Isu 'Vape'. (2015, Ogos 25). Dicapai Oktober 2, 2015, daripada http://www.selangorpress.com/2015/berita/nasional/parlimen-belia-bakal-usul-desak-kerajaan-perhalusi-isu-vape/
- Penggunaan vape haram - Majlis Fatwa Kebangsaan. (2015, Ogos 18). Dicapai Oktober 2, 2015, daripada http://www.utusan.com.my/berita/nasional/penggunaan-i-vape-i-haram-majlis-fatwa-kebangsaan-1.125681
- Propylene Glycol safety | Electronic Cigarettes Store. (n.d.). Dicapai Oktober 2, 2015, daripada http://canadavapes.com/health/propylene-glycol-safety.html
- Singapore to ban emerging tobacco products from mid-December. Dicapai Oktober 3,2015, daripada http://www.channelnewsasia.com/news/singapore/singapore-to-ban-emerging/1916726.html
- Sofea Susan Albert Kassim. (2015, Ogos 19). Status Rasmi Vape Diketahui Dua Bulan Lagi - Majlis Fatwa Kebangsaan. Dicapai Oktober 2, 2015, daripada http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2015/08/19/status-vape/





1 Siswa-siswi USM-KLE menunaikan solat Aidiladha di halaman kampus.
2 Prof Dr. Kamarudin Jaalam memberi ucapan sempena hari raya kepada siswa-siswi USM-KLE.



Aidiladha di USM-KLE

3 Siswa Program Perubatan Antarabangsa USM-KLE Belgaum India bergambar bersama Timbalan Dekan (Program Perubatan Antarabangsa), Profesor Dr Kamarudin Jaalam (kedua dari kiri) setelah selesai solat Aidiladha.
4 Siswa USM-KLE mengetuai takbir Hari Raya Aidiladha di Belgaum, India.





5 Siswa-siswi USM-KLE menjamu selera selepas selepas selesai solat Aidiladha.

6,7 Siswa-siswi USM-KLE bekerjasama menjalankan ibadah korban pada pagi Hari Raya Aidiladha.





SUKAN

Hafizh, Nabil galas cabaran skuad kebangsaan



Dua pemain bola sepak Minden Tiger Universiti Sains Malaysia (USM) telah terpilih mewakili skuad kebangsaan dalam 8th Thailand- Malaysia University Games 2015 di Universiti Chiang Mai, Thailand pada 18 hingga 22 September lalu.

Kapten pasukan Minden Tiger, Mohd Hafizh Mansor dan rakan sepasukan, Muhamad Nabil Fikri Zulkifli, dipilih berdasarkan pemilihan En. Nuraffendy Muhd Yatim selaku jurulatih pasukan Minden Tiger. Mereka juga bergabung bersama 18 lagi pemain dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA). 20 pemain tersebut mula menjalani latihan intensif di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bermula 17 September lalu.

Menurut Hafizh, menerusi program ini beliau telah mempelajari semangat sepasukan dalam sesuatu perlawanan sangat penting untuk mencapai kemenangan. Faktor latihan yang mencukupi juga mampu menjadi penyumbang kepada sesuatu pasukan itu untuk bergerak lebih jauh.

Walau bagaimanapun, Hafizh dan Nabil masih perlu bersiap sedia menggalas tanggungjawab untuk berhadapan dengan perlawanan Divisyen 1 dalam Liga Bola Sepak IPT yang akan datang.

Faktor latihan yang mencukupi juga mampu menjadi penyumbang kepada sesuatu pasukan itu untuk bergerak lebih jauh.



[ATAS]
BANGGA
Barisan pemain yang mewakili Malaysia ke Chiang Mai.
[KANAN]
WAKIL USM
Mohd Hafizh Mansor dan Muhamad Nabil Fikri Zulkifli menggalas tanggungjawab sebagai pemain skuad kebangsaan dalam 8th Thailand-Malaysia University Games 2015 yang telah dilangsungkan di Chiang Mai, Thailand.

Atlet renang anjur klinik renang

Oleh **MOHAMMAD FAKHRI BADLISHAM**

Prihatin dengan masalah kewangan siswa-siswi dan ingin menggalakkan mereka mencuba sukan yang baru membuatkan atlet-atlet renang Universiti Sains Malaysia (USM) mengambil inisiatif untuk menganjurkan USM Swimming Clinic (USMSC).

Peluang untuk belajar berenang dengan kadar yuran serendah RM50 untuk lapan slot pembelajaran nyata tidak dilepaskan oleh siswa-siswi apabila klinik tersebut mendapat sambutan ketika sesi pendaftaran dibuka.

Menurut wakil penganjur USMSC, Tan Rhu Yee, program ini adalah untuk melatih siswa-siswi yang tidak mempunyai asas renangan untuk berenang dengan teknik yang betul.

Peserta juga akan dilatih oleh perenang USM yang berkelayakan.

"Semua tenaga pengajar terdiri daripada perenang-perenang USM yang berpengalaman luas dan pernah merangkul pelbagai kejayaan. Rata-rata daripada mereka adalah terdiri daripada perenang yang mewakili negeri dan juga negara," jelasnya.

"Kadar yuran yang kami tawarkan ini sangat murah berbanding kelas renang yang ditawarkan di luar kampus. Biasanya untuk satu slot pengajaran adalah RM30 manakala untuk lapan sesi seperti yang kami tawarkan ini adalah sekitar RM250", tambahnya lagi

Ketika diminta mengulas mengenai sambutan yang diterima, beliau menganggap bahawa sambutan di luar jangkaan yang diberikan oleh peserta sememangnya mengejutkan.

"Kami berjaya mengumpul seramai 120 peserta dan terpaksa menutup penyertaan hanya dalam sehari tempoh pendaftaran dibuka. Ada di antara mereka yang tidak sempat untuk mendaftar memohon agar ditambah dua slot lagi. Pihak kami sedang sedaya upaya untuk membuka sebanyak mungkin slot yang boleh untuk memenuhi permintaan mereka," ujar Rhu Yee.

Menurut peserta USMSC, Mohd Amirul Noor Zahki, Sains Kemasyarakatan 3, klinik yang akan bermula pada 5 Oktober hingga pertengahan bulan November di Kompleks Renang USM ini bakal menjanjikan pengalaman yang unik kepada semua peserta.

"Kompleks Renang USM yang bersaiz Olimpik menjadi cabaran kepada mereka yang belum pernah mempunyai pengalaman menggunakan kolam renang yang mempunyai kemudahan lengkap seperti ini," kata Amirul.